

Jilid I
Bil. 92



Hari Isnin
2hb Disember, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
(Ruangan 14987)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1992:

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.17 (Ruangan 15031)

Maksud B.18 (Ruangan 15057)

Maksud B.19 (Ruangan 15096)

USUL:

Anggaran Pembangunan 1992:

Jawatankuasa—

Maksud P.17 (Ruangan 15031)

Maksud P.18 (Ruangan 15057)

Maksud P.19 (Ruangan 15096)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen, di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., I.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

- Yang Berhormat DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu-Terengganu).
- „ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

Yang Berhormat DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.St.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

Yang Berhormat DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, P.D.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN HAJI SHUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 2hb Disember, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

JAMBATAN MENGHUBUNGI
PEKAN KUALA KURAU-
KAMPUNG KUALA GULA

1. Dato Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah sebuah jambatan yang menghubungkan Pekan Kuala Kurau dengan Kampung Kuala Gula akan dibina. Kawasan Kuala Gula adalah satu kawasan yang amat berpotensi untuk dibangunkan dan telah dikenalpasti sebagai kawasan pelancongan.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran kos projek menghubungkan Pekan Kuala Kurau dengan Kampung Kuala Gula ialah sebanyak \$10 juta. Peruntukan untuk projek ini telah dipohon di dalam Rancangan Malaysia Keenam, tetapi tidak diluluskan kerana keutamaannya tidak begitu tinggi jika dibandingkan dengan projek lain di negeri Perak. Walau bagaimanapun, ia masih boleh dikemukakan semula dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam kelak.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kerajaan sedar bahawa di kawasan Kuala Gula ini adalah satu kawasan yang penting di mana pada setiap tahun, satu kumpulan burung berjuta-juta ekor jumlahnya iaitu Burung Kuang datang untuk bertelur dan membiak di kawasan tersebut dan ia mempunyai potensi tarikan pelancong yang cukup penting. Jadi, kalau kita menanggukuhkan pembinaan jambatan ini maka kita rugilah satu daripada aset ataupun produk pelancong yang amat besar. Jadi, tidakkah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula dalam Separuh Penggal bagi mendapatkan peruntukan membina jambatan tersebut.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu sudah pun dijawab tadi. Sebenarnya Kementerian saya mengambil kira tarikan pelancong di kawasan itu. Oleh sebab itu rekabentuk pun sudah dibuat dan anggaran kos pun sudah ditaksirkan. Walau bagaimanapun, ini tidak diluluskan, bukan oleh Kementerian saya, tetapi oleh EPU. sana. Sebagaimana yang saya menjawab tadi, perkara ini boleh dikemukakan sekali lagi dalam Kajian Separuh Penggal.

PELABUHAN KECIL DI
KELANTAN—PEMBINAAN

2. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sekurang-kurangnya terdapat dua kajian yang dibuat oleh dua agensi antarabangsa mengenai

cadangan membina pelabuhan di kawasan Bachok di Kelantan. Kajian itu menyebut bahawa kawasan itu sesuai bagi sebuah pelabuhan. Adakah Kerajaan bercadang untuk membina pelabuhan. Jika tidak, mengapa dan jika ya bila; dan

- (b) jika Kerjaan Pusat berpendapat projek itu tidak termasuk dalam Rancangan Malaysia Keenam, adakah Kerajaan Pusat sedia bekerjasama dengan Kerajaan Negeri jika Kerajaan Negeri membinanya sebagai projek negeri.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, memang benar satu kajian kemungkinan telah dilakukan oleh Japanese International Cooperation Agency (JICA) pada tahun 1979 dahulu di bawah bantuan teknikal Kerajaan Jepun. Tujuan kajian ini adalah untuk memastikan kemungkinan dari segi ekonomi dan teknikal untuk membina sebuah Pelabuhan Kecil di Kelantan. Pelabuhan ini adalah untuk mengendalikannya kargo perdagangan di samping untuk perikanan yang terdapat di negeri Kelantan.

Berikutan daripada kajian itu, sebuah syarikat tempatan telah dipilih untuk menyediakan rekabentuk serta pengiraan kos bagi projek ini. Kerja-kerja ini telah disiapkan pada tahun 1986. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini telah ditangguhkan berikutan daripada Kajian Pelabuhan Kebangsaan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan. Laporan Kajian ini telah mencadangkan projek ini tidak dilaksanakan.

Memandangkan projek pelabuhan kecil di kawasan Kemasin telah dibatalkan, adalah dirasakan satu kemudahan pendaratan perlu disediakan untuk memenuhi keperluan pengguna-pengguna di kawasan Lembah Sungai

Kelantan. Untuk itu, sebuah jeti baru telah dicadangkan dibina di Kuala Besar berhampiran dengan Kota Bharu. Projek ini melibatkan pembinaan sebuah jeti sepanjang 100 meter dan bangunan terminal serta ruang pejabat seluas 340 meter persegi. Kerja-kerja pembinaan sedang dijalankan dan dijangka siap pada bulan November, 1992.

Kepada soalan sama ada Kerajaan Negeri boleh membina pelabuhan sendiri tidak timbul oleh kerana mengikut Jadual IX Perlembagaan Persekutuan, hal-hal yang berkaitan dengan pelabuhan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Sukalah saya menegaskan di sini bahawa kita tidak boleh sewenang-wenangnya membina pelabuhan di sekitar pantai melainkan telah mempunyai bukti-bukti dengan butir yang mantap pelabuhan tersebut akan berjaya.

Sebenarnya berjaya atau tidaknya sesebuah pelabuhan banyak bergantung kepada syarikat-syarikat perkapalan yang akan menggunakan kemudahan di pelabuhan-pelabuhan berkenaan. Perkembangan industri perkapalan yang pesat telah banyak mengubah amalan pelayaran kapal-kapal dagang. Adalah menjadi trend, dengan izin, sekarang ini kapal-kapal hanya singgah di pelabuhan-pelabuhan utama yang mempunyai kemudahan terbaik serta menjadi pusat pengumpulan ataupun penyibaran kargo bagi memunggah dan mengisi kargo di dalam jumlah yang besar. Bagi kargo import, ianya akan disebarkan kepada pengguna-pengguna dengan menggunakan jalan darat. Keadaan yang serupa juga dilakukan bagi kargo eksport di mana ianya dikumpulkan untuk dieksport.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Shahidan bin Kassim.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Shahidan bin Kassim tidak hadir)

**GERAN KEPADA KEMENTERIAN
PERUMAHAN DAN KERAJAAN
TEMPATAN**

4. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapa peruntukan telah diuntukkan (bukan pinjaman) kepada Dewan Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah bagi tujuan pemindahan kawasan, Pusat Saluran Najis dan Infrastruktur Asas di negeri masing-masing:

- (a) adakah Kerajaan Pusat berhasrat meminda pinjaman tersebut kepada peruntukan yang tidak kena bayar balik; dan
- (b) sama ada Kerajaan Pusat akan menimbang untuk mengecualikan bayaran pinjaman tersebut atas permintaan daripada Jawatankuasa Hal Ehwal Kerajaan Tempatan Negeri Perak baru-baru ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat, tidak ada program yang bergelar Pemindahan Kawasan untuk Dewan Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah.

Berhubung dengan soalan mengenai infrastruktur asas, soalan ini juga tidak jelas dan tidak spesifik. Untuk makluman, banyak Kementerian dan agensi-agensi yang terlibat dengan pembangunan infrastruktur di dalam sesuatu kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh kerana itu, Kementerian tidak dapat menyediakan jawapan kepada kedua-dua soalan tersebut.

Mengenai Pusat Saluran Najis di dalam Rancangan Malaysia Kelima tahun 1986 sehingga 1990, semua projek pembedungan-pembedungan dibiayai melalui pinjaman daripada Kerajaan Pusat seperti projek pembedungan Seberang Perai, Seremban dan Ipoh.

Projek pembedungan melibatkan perbelanjaan kos yang besar dan tidak mungkin boleh dilaksanakan sepenuhnya dengan percuma oleh Kerajaan Pusat. Walau bagaimanapun, Kerajaan peka dengan masalah yang dihadapi oleh rakyat. Oleh itu dalam Rancangan Malaysia Keenam, sebahagian besar daripada kos pembedungan akan diberi kepada Pihak Berkuasa Tempatan sebagai geran ataupun pemberian secara langsung. Tahap pemberian yang diberi masih dalam penelitian Kerajaan. Walau bagaimanapun, ianya akan ditentukan berdasarkan kepada kemampuan Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan membiayai sebahagian daripada kos projek itu.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di sini juga saya telah meminta, apakah jawapan daripada permintaan oleh Jawatankuasa Hal Ehwal Kerajaan Tempatan Negeri Perak yang baru-baru ini memohon untuk mengecualikan bayaran balik bagi peruntukan itu.

Soalannya ialah apakah kadar yang dapat ditimbangkan oleh Kerajaan Pusat sama ada ia berpatutan atau tidak dan adakah pihak Negeri diberi pengecualian ataupun sebahagian besar daripada sumbangan akan ditanggung oleh Kerajaan Pusat?

Yang kedua, apakah pendapatan daripada Kerajaan Pusat berkenaan dengan harta-harta yang telah dibina seperti tandas yang moden dan melalui pelan-pelan yang telah diluluskan oleh pihak Kerajaan Tempatan, adakah pemegang-pemegang harta tersebut itu kena atau tidak membayar kadar-kadar yang telah ditentukan oleh pihak Kerajaan Tempatan untuk memasang dan menyambung saluran-saluran tersebut?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, mengenai saluran najis di Ipoh itu ada tiga peringkat. Yang pertama, yang telah

siap iaitu projek pembetulan yang dibuat sendiri oleh Majlis Bandaraya Ipoh dengan tidak ada bantuan ataupun pinjaman daripada Kerajaan Pusat. Itu telah siap dibina dan saya difahamkan sumbangan yang perlu dibayar oleh pemunya harta ialah lebih kurang \$4,500 lebih kurang hitung panjang tetapi kalau dia mempunyai lebih daripada sebuah harta, maka kemungkinan lebih daripada itu tetapi Kerajaan Pusat tidak terlibat. Ini dilaksanakan sepenuhnya oleh Majlis Bandaraya Ipoh.

Manakala peringkat fasa pertama pembetulan itu, perancangan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima dan ianya dipersetujui dengan persetujuan ditandatangani iaitu ianya dilaksanakan di bawah skim pinjaman dan pinjaman dikenakan faedah lebih kurang di antara 7% hingga 8% mengikut sumber daripada pinjaman itu dibuat. Pinjaman ini dibuat daripada punca-punca luar negeri dan dalam negeri yang mana Kerajaan Pusat terpaksa membayar kos interest pinjaman tersebut. Manakala dalam fasa yang kedua, Kerajaan Pusat bersetuju untuk memberikan sumbangan geran sebahagian besar daripada kos ini iaitu setakat ini kita telah bersetuju lebih kurang 60% daripada kos perbelanjaan untuk kemudahan awam dan sebagainya. Walau bagaimanapun, ia belum dipastikan jumlah sebenarnya kerana ia masih lagi diteliti oleh Kerajaan.

BANJIR—RANCANGAN TEBATAN KUALA LUMPUR

5. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Pertanian menyatakan bilakah rancangan Kerajaan untuk meluluskan dan memperkukuhkan tebing-tebing sungai utama yang merentasi dan menjelajah di seluruh Wilayah Persekutuan akan siap pembinaan sepenuhnya, supaya keadaan banjir yang dialami oleh penduduk-penduduk di kawasan yang kerap dilanda banjir dapat diselesaikan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan pada tahun 1976 melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah melancarkan satu projek iaitu Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur yang bertujuan untuk meluruskan dan memperkukuhkan tebing-tebing sungai utama yang merentasi dan menjelajah di seluruh kawasan Wilayah Persekutuan. Jumlah kos projek asal adalah sebanyak \$385.5 juta.

Ekoran Kajian Tebatan Banjir Lembangan Sungai Klang oleh Japan International Cooperation Agency pada tahun 1989, jumlah kos projek ini telah meningkat dan telah menjadi lebih kurang \$760 juta dan kawasan projek telah diperluaskan untuk meliputi seluruh Lembah Sungai Klang sehingga ke Kuala Sungai Klang termasuk Pelabuhan Klang. Projek ini yang pada asalnya dijangka siap pada tahun 1995, telah tidak dapat disiapkan pada tahun berikut dan disebabkan oleh kajian semula dan projek ini dijangka akan siap pada tahun 2007.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, masalah banjir di Kuala Lumpur adalah dialami umum dan soalan tambahan saya ialah apakah punca-punca yang mengakibatkan banjir kilat di Kuala Lumpur dan bilakah ibukota ini akan bebas daripada masalah banjir?

Yang kedua, memandangkan masalah banjir menjadi semakin serius dalam Wilayah Persekutuan, adalah perlu untuk Kerajaan memperuntukkan lebih banyak perbelanjaan bagi membanteras banjir ini tetapi saya dapati dalam buku Anggaran Perbelanjaan 1992, berbanding dengan tahun yang lepas, tahun 1991 ini iaitu tabung wang yang akan digunakan bagi Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur adalah \$15 juta untuk tahun yang akan datang berbanding dengan \$23 juta tahun ini. Saya ingin tahu apakah sebabnya peruntukan ini dikurangkan?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, masalah banjir ini bukan di Kuala Lumpur sahaja, (Ketawa) di negeri Pantai Timur

Tuan Tan Kok Wai: Soalan ini adalah untuk Kuala Lumpur!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sabar. Biar Setiausaha Parlimen menjawab dahulu.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Ahli Yang Berhormat, harap bersabar. Saya hendak jawab, jangan excited. Masalah banjir bukan di Kuala Lumpur sahaja. Tempat lain pun berlaku juga banjir.

Tentang perbelanjaan untuk Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur, peruntukan telahpun ditambah. Jadi, saya telah sebutkan tadi, saya ingat Yang terhormat dengar dengan jelas apa yang saya katakan tadi bahawa peruntukan daripada \$385 juta telahpun ditambah dan peruntukan sekarang telah menjadi sebanyak \$760 juta. Peruntukan ini telah meningkat dan kawasan yang dirangkumi telahpun diperluaskan.

Jadi, ini dengan jelas menunjukkan bahawa Kerajaan berusaha dengan bersungguh-sungguh cuba mengatasi ataupun mengurangkan masalah banjir yang berlaku di Kuala Lumpur. Kalau bagi DAP, dia tidak boleh buat apa-apa. Dia hanya pandai bercakap tetapi tidak boleh menyumbangkan ke arah menyelesaikan masalah banjir di Kuala Lumpur ini. (*Tepuk*)

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian Pertanian ataupun pihak Kerajaan pernah menjalankan kajian punca banjir di sungai-sungai di seluruh negara kita ini yang diakibatkan oleh kehilangan hutan yang menyebabkan hakisan tanah yang mengakibatkan cartel sungai ini sudah naik sehingga saluran itu sudah tidak licin lagi. Adakah satu kajian

dijalankan dan adakah ini satu sebab utama untuk semua bandar-bandar seperti Kuala Lumpur yang mengalami masalah banjir kilat?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, banyak sebab berlakunya banjir dan bukan disebabkan oleh kerana pembangunan sahaja.

PEMBANGUNAN PELANCONGAN DI PULAU REDANG—PUNGUTAN SUARA AWAM

6. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) adakah suatu pungutan suara awam telah dijalankan ke atas kesan Taman Marin Pulau Redang yang dijalankan oleh pembangunan pelancongan di pulau tersebut sebagaimana yang dikehendaki di bawah Akta Kualiti Persekutuan (Pindaan 1981);
- (b) apakah yang telah dilakukan ke atas aduan tentang pembasmian hutan di atas pulau yang berkenaan, pemendapan dan pencemaran terumbu karang di sekitar pulau tersebut, yang merupakan akibat kerja pembangunan pelancongan;
- (c) adakah benar bahawa kampung-kampung di atas pulau tersebut telah dipindah-alihkan kerana mereka dianggap “menjolak mata” para pelancong; dan
- (d) apakah yang telah dilakukan sejak WWF Malaysia mendakwa bahawa walaupun Pulau Redang telah menjalani EIA, tetapi persekitaran di situ masih hebat diganggu oleh pembangunan di atas pulau tersebut; tiada data pengujian persekitaran yang dapat memastikan bahawa cadangan di laporan EIA diikuti secara tegas.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Tidak ada pungutan suara awam yang dijalankan mengenai kesan pembangunan pelancongan di Pulau Redang dan tidak ada peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan 1985) yang menghendaki pungutan suara awam diadakan.
- (b) Aduan berkenaan telah disiasat dan didapati tidak benar. Dari pengawasan yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar dan pihak konsultan didapati setakat ini tiada berlaku sebarang pemendapan dan pencemaran projek tersebut. Selain daripada itu apa-apa pemendapan yang berlaku di atas terumbu karang di bawah rumah penduduk kampung atas air telah lama berlaku disebabkan oleh aktiviti-aktiviti harian penduduk setempat kampung tersebut.
- (c) Pemindahan penduduk-penduduk Kampung Pulau Redang ke Hulu Redang adalah projek Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman dan tidak merupakan sebahagian daripada projek rekreasi dan pelancongan yang sedang dijalankan oleh Redang Island Resort Sdn. Bhd.
- (d) Seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pihak berkuasa meluluskan projek-projek pembangunan ialah Kerajaan-kerajaan Negeri dan Jabatan Alam Sekitar bertanggungjawab memberi nasihat dari segi pengurusan alam sekitar. Dalam hal ini Jabatan Alam Sekitar hanya meluluskan laporan EIA bagi pembangunan Parcel Empat atau, dengan izin, Parcel IV sahaja yang melibatkan kawasan seluas 157.9 hektar

untuk dibangunkan sebagai kawasan rekreasi termasuk padang golf. Di antara syarat kelulusan ialah keperluan pemaju menjalankan kerja-kerja pengawasan dan menunjukkan bukti pematuhan syarat kelulusan seperti yang ditetapkan di bawah sub-seksyen 7, seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Selain daripada pengawasan oleh pihak pemaju, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perikanan dan Persatuan Alam Sekitar turut menjalankan kerja-kerja pengawasan. Setakat ini Jabatan Alam Sekitar berpuashati dengan langkah-langkah kawalan yang diambil dan data pengawasan menunjukkan bahawa keadaan masih terkawal.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, menurut jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah saya difahamkan bahawa pengawalseliaan telah dimulakan oleh pemaju dan Kementerian Alam Sekitar dan juga saya ingin tahu adakah pengkajian atau laporan ini akan senang diperolehi oleh Wakil-wakil Rakyat atau orang ramai?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, laporan-laporan yang berikutan dengan laporan EIA yang asal itu adalah dokumen-dokumen yang diserahkan kepada Jabatan Alam Sekitar dan dokumen-dokumen tersebut tidak dipamerkan kepada orang awam. Laporan-laporan ini adalah berlainan daripada laporan EIA yang asal itu. Oleh kerana laporan EIA asal itu adalah satu dokumen awam, dokumen itu boleh dipamerkan kepada orang awam.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal satu dasar yang mana tiap-tiap kali projek hendak dibina atau dirancangkan,

kita terlebih dahulu membuat satu pungutan suara awam untuk mengetahui apakah dasar ini menjejaskan ataupun dapat memberi kebaikan kepada dasar-dasar Kerajaan yang lain?

Kedua, untuk memastikan laporan ataupun cadangan yang diberi oleh perbadanan yang membuat EIA ini diikuti dengan baiknya, adakah Kerajaan bercadang untuk mengenakan ongkos-ongkos itu kepada pihak-pihak pemaju ataupun perancang berkenaan?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak ada dasar untuk pungutan suara awam bagi sesuatu projek yang dikenakan di bawah seksyen 34 Akta Alam Sekeliling yang sedia ada. Oleh sebab itu kita tidak bercadang untuk mengadakan pungutan suara awam untuk setiap projek yang dimajukan oleh pihak swasta atau pihak Kerajaan.

Untuk menjawab soalan kedua, pihak Jabatan Alam Sekitar memanglah cuba mendapatkan laporan EIA yang berkualiti daripada pakar-pakar atau konsultan-konsultan apabila mereka mengemukakan laporan-laporan EIA. Semua syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar perlu diikuti dan ini termasuk juga ongkos atau harga laporan EIA yang pihak konsultan mengenakan (charge) untuk projek itu. Kita juga mendapat laporan daripada pihak pemaju supaya ongkos ini tidak terlalu besar. Sampai setakat ini pihak Jabatan Alam Sekitar merasa puashati tentang apa yang dicaj oleh pihak konsultan kepada pemaju atas laporan EIA yang dibuat oleh mereka.

TANAH TERBIAR—KELUASAN

7. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:

(a) berapakah jumlah tanah terbiar di Semenanjung Malaysia;

(b) apakah sebab-sebabnya tanah tersebut terbiar; dan

(c) sila huraikan langkah dan usaha Kementerian bagi mengatasi masalah tanah terbiar ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Tuan Mohd. Noh bin Rajab): Tuan Yang di-Pertua, di dalam tahun 1978, mengikut satu kajian yang dilaksanakan oleh Jabatan Perdana Menteri mengenai kampung-kampung mundur, terdapat lebih kurang 565,000 hektar tanah-tanah terbiar di Semenanjung. Dengan mengambilkira angka tersebut dan peranan yang dimainkan oleh agensi-agensinya pembangunan tanah khususnya Kementerian Pembangunan dan Luar Bandar, terdapat kira-kira 350,000 hektar tanah terbiar yang masih ada sehingga tahun 1991. Di antara sebab-sebab utama berlakunya tanah terbiar adalah seperti berikut:

(1) Negara kita telah mengalami perubahan sektor ekonomi di mana peranan sub-sektor bukan pertanian seperti industri, pembuatan dan perkhidmatan telah berkembang dengan pesat mengatasi pertumbuhan sub-sektor pertanian.

Perubahan struktur ekonomi ini mengakibatkan aliran tenaga kerja ke bandar-bandar perindustrian dan sub-sektor pertanian di luar bandar mengalami kekurangan tenaga-tenaga kerja yang produktif.

(2) Pemilik-pemilik tanah kurang keupayaan dari segi kewangan, pengetahuan, pengurusan dan tenaga kerja untuk mengadunikan faktor-faktor pengeluaran ekonomi ke tahap pengeluaran yang tinggi malah sanggup membiarkan tanah-tanah menjadi tidak produktif kerana wujudnya peluang-peluang pendapatan yang lain.

- (3) Masalah fizikal kawasan dan kekurangan infrastruktur menyebabkan tanah-tanah milik tidak memberi pulangan yang baik dari segi pelaburan pertanian. Kawasan-kawasan tanah padi misalnya menghadapi masalah pengairan. Bagi kawasan lain, masalah yang dihadapi adalah seperti tanah gambut, tanah-tanah milik yang berselerak, perhubungan yang sukar yang menyebabkan tanah-tanah tersebut terus terbiar.
- (4) Usaha-usaha agensi Kerajaan menghadapi kekangan untuk mendapat persetujuan pemilik-pemilik tanah bagi membangunkan tanah-tanah yang terbiar. Tuan tanah yang enggan bersetuju atau tidak dapat dikesan boleh membantutkan perancangan. Selain faktor-faktor di atas, masalah persetujuan dan sosial pemilik-pemilik tanah menyebabkan pula kawasan pembangunan tidak menguntungkan untuk dibuat pelaburan khususnya bagi tanaman komoditi. Daya maju ekonomi merupakan pertimbangan penting supaya kos pelaburan boleh diperolehi semula di samping dapat mengagih pendapatan yang wajar kepada pemilik-pemilik tanah.
- (5) masalah absentee landlord; iaitu tuan tanah yang tidak menduduki tanah pertanian berkenaan dan tidak berminat untuk memajukan tanahnya kerana pendapatan tuan tanah tidak bergantung kepada penggunaan tanah. Dan Kerajaan telah mengambil tindakan memperuntukkan undang-undang dan mewujudkan agensi pembangunan bagi mengatasi masalah tanah terbiar. Tindakan yang diambil dari segi undang-undang adalah dengan meminda

Seksyen 129 Kanun Tanah Negara seperti berikut:

- (i) Pihak Berkuasa Negeri diberi kuasa untuk mengarahkan tuan-tuan tanah membangunkan tanah terbiar dalam tempoh masa yang ditetapkan; atau
- (ii) Jika tuan tanah gagal mematuhi arahan itu, Pihak Berkuasa Negeri boleh melucutkan tanah terbiar itu atau mengambil milik tanah secara sementara untuk memulihkan tanah terbiar itu dan diberi kepada mana-mana agensi untuk memulihkannya.

Bagaimanapun, penguatkuasaan Seksyen 129 di atas mempunyai sensitivitinya dan setakat ini belum lagi dilaksanakan oleh mana-mana pihak.

- (c) FELCRA adalah merupakan salah satu agensi di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dipertanggungjawabkan untuk memulih tanah-tanah terbiar. Kaedah yang dilaksanakan ialah memperladangkan tanah-tanah tersebut dengan tanaman komoditi dengan syarat-syarat berikut:
- (i) Pemilik-pemilik tanah bersetuju secara bertulis;
- (ii) Kawasan sekelompok yang keluasanya sesuai untuk operasi ladang sekurang-kurangnya 40 hektar;
- (iii) Fizikal kawasan yang sesuai dari segi kesuburan tanah dan infrastruktur;
- (iv) Perkiraan daya maju projek adalah menguntungkan iaitu mampu memberi

pendapatan dan membayar balik kos pelaburan atau pinjaman. Sehingga September 1991, FELCRA telah membangunkan kawasan seluas 251,956 hektar tanah terbiar.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Angka yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi iaitu 350,000 hektar tanah terbiar kesemuanya adalah satu angka yang besar yang memerlukan perhatian yang serius. Jadi pertamanya, saya ingin tahu pecahan tanah terbiar tadi mengikut kegunaan tanah misalnya tanah padi, tanah getah dan sebagainya.

Yang kedua, kita dapati bahawa ratus ribu hektar juga telah dipulihkan. Saya fikir kalau di sektor perladangan getah, tanah yang telah dipulihkan itu mungkin telah baik kegunaannya. Tetapi apa yang berlaku dan yang menyedihkan ialah kawasan-kawasan padi. Terdapat kawasan-kawasan padi yang telahpun dipulihkan yang menelan belanja berjuta-juta ringgit tetapi selepas setahun dua tanah itu kembali terbiar. Apakah langkah Kerajaan untuk memastikan bahawa tanah yang telah dipulihkan itu digunakan sepanjang masa?

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebutkan tadi bahawa agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk memulihkan tanah-tanah terbiar ini salah satunya ialah FELCRA. Walau bagaimanapun, Kementerian difahami bahawa Kementerian Pertanian pun ada juga memajukan tanah-tanah sawah yang terbiar.

Untuk memajukannya semula secara berjaya, maka syarat-syarat yang telah disebutkan tadi perlulah diatasi dahulu dan Kerajaan sedang memandang segala angle, dengan izin untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Kalau saya boleh katakan di sini bahawa erti tanah terbiar ini ialah tanah yang dahulunya digunakan dan mengeluarkan hasil, hari ini telah tidak dapat mengeluarkan hasil lagi. Kalau diambil kira, kadang-kadang walaupun tanah itu nampaknya bukan dikerjakan secara dahulunya tetapi tidak dapat juga ditafsirkan sebagai tanah terbiar kerana kadang-kadang digunakan, umpamanya, tanah sawah yang bukan lagi ditanam padi tetapi digunakan untuk padang ragut kerbau dan lembu. Ini juga saya rasa Yang Berhormat harus fahamilah. Insya Allah, dengan Wawasan 2020, dengan usaha Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, untuk hendak memberi semangat baru kepada rakyat mungkin lebih banyak lagi tanah-tanah yang tidak produktif ini boleh kita jadikan tanah yang produktif.

AKTA PERLINDUNGAN PENGUNA/AKTA KREDIT PENGUNA

8. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai cadangan untuk memperkenalkan "Akta Perlindungan Pengguna serta Akta Kredit Pengguna" yang bertujuan untuk melindungi kepentingan rakyat daripada pengusaha perniagaan yang tidak berperikemanusiaan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, negara kita kini sudahpun mempunyai sebanyak 30 Akta dan Ordinan untuk melindungi pengguna. Undang-undang ini boleh dibahagikan kepada tiga bidang kepentingan pengguna iaitu:

- (i) Harga dan bekalan barang-barang dan perkhidmatan;

- (ii) Mutu dan keselamatan barangan dan perkhidmatan;
- (iii) Amalan-amalan perdagangan dan penerangan kepada pengguna.

Namun demikian, masih terdapat lagi aspek-aspek perlindungan pengguna atau amalan perniagaan yang tidak diliputi oleh undang-undang berkenaan.

Kerajaan memang sedar bahawa undang-undang atau Akta baru yang menyeluruh berhubung dengan perlindungan pengguna dan kredit pengguna yang komprehensif perlu digubal dan demi menjamin kepentingan pengguna sentiasa dilindungi. Sehubungan dengan itu Kementerian sedang menjalankan kajian secara teliti dan terperinci mengenai cadangan pembentukan Akta Perlindungan Pengguna dan Akta Kredit Pengguna serta implikasinya.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana Yang Berhormat Menteri telah menyatakan sebentar tadi bagi melindungi pengguna kita sekarang ini mempunyai 30 Akta dan Ordinan dan mungkin lebih banyak lagi Akta yang akan dibuat untuk melindungi pengguna. Salah satu cara yang kita tahu pengguna yang teranianya cuba menyelesaikan masalah mereka ialah pergi ke mahkamah. Dan hari ini banyak kes-kes yang tertangguh di mahkamah yang mungkin tidak dapat hendak ditumpukan sekiranya seseorang pengguna itu membawa kesnya ke mahkamah.

Jadi, dalam Kerajaan cuba menggubal satu Akta untuk melindungi pengguna, adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan sebuah mahkamah yang asing bagi menyelesaikan masalah-masalah pengguna.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian menghargai pandangan

Ahli Yang Berhormat mengenai perkara ini dan kita akan membuat kajian yang terperinci dan sekiranya difikirkan perlu, kita akan kemukakan kepada Kerajaan bagi keputusan.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini apa faedah yang sudah dinikmati oleh pengguna-pengguna di negara kita semenjak penubuhan Kementerian Khas untuk Hal Ehwal Pengguna.

Kedua, oleh kerana banyak komplek-komplek daripada pengguna-pengguna dalam beberapa aspek, adakah Kementerian Yang Berhormat bercadang mengadakan satu sistem di mana di setiap negeri, sekurang-kurangnya, sebagai permulaan, diadakan satu Biro Komplek Pengguna, di mana semua komplek-komplek oleh pengguna-pengguna boleh disalurkan dan di mana tindakan boleh diambil oleh Biro Komplek Pengguna itu supaya masalah mereka boleh diatasi, supaya mereka boleh menyuarakan aduan kepada satu badan yang boleh melindungi kepentingan pengguna-pengguna.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan pertama, saya fikir ini terserahlah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dan masyarakat untuk menilai apa yang telah diperbuat oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna semenjak ianya ditubuhkan pada 27hb Oktober, tahun yang sudah, dan kalau saya menyebutkan kejayaan-kejayaannya nanti orang kata "masuk bakul angkat sendiri".

Kedua, berkenaan dengan cadangan supaya kita mengadakan Complaints Bureau di peringkat negeri, yang sebenarnya dari segi proses untuk pengguna membuat aduan-aduan ke pihak Kementerian dan juga Jabatan-jabatan di bawah Kementerian di seluruh negara, ini telahpun sedia wujud, bahkan

melalui Peti Surat 8000, mereka boleh terus menghantar komplek yang berkenaan ke Kementerian dan juga cawangan-cawangan Kementerian di seluruh negara. Namun demikian, suka saya menyatakan iaitu sebenarnya pada pagi tadi saya telahpun mengadakan Majlis Taklimat kepada wakil-wakil Kerajaan Negeri mengenai penubuhan Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 6 November yang sudah. Dan perkara ini sudah pasti akan dikaji oleh Majlis-majlis di peringkat negeri dan mungkin dengan penubuhan Majlis yang berkenaan ianya akan menjadi tumpuan kepada pengguna-pengguna di negeri yang berkenaan untuk membuat aduan-aduan yang tertentu.

TELEDERA—ADUAN PENGANIAYAAN KANAK- KANAK

9. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan semenjak TELEDERA dilancarkan berapakah kes-kes penganiayaan kanak-kanak dilaporkan dan berapa pula tindakan undang-undang yang diambil. Adakah Kementerian bercadang menjalankan kajian secara terperinci untuk mengetahui faktor-faktor sebenarnya yang menyebabkan penganiayaan berlaku.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoon Seng): Tuan Yang di-Pertua, sejak TELEDERA dilancarkan pada 19hb Disember, 1990 sehingga sekarang, sebanyak 657 aduan telah diterima. Setelah siasatan, didapati hanya 26 kes yang benar-benar kes penganiayaan. Daripada jumlah 26 kes ini, sebanyak 13 kes telah dilaporkan kepada Polis untuk tindakan Mahkamah dan keputusannya belum diketahui.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu kajian terperinci mengenai penganiayaan kanak-kanak sedang dijalankan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

POLIS MERIN—KES ROMPAKAN

10. Tuan Michael Asang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benar di mana di antara beberapa kes merompak ke atas bot-bot atau kapal-kapal nelayan di Perairan Pantai Timur Sandakan berlaku antara bulan Mac dan Julai tahun ini telah melibatkan beberapa anggota Polis Merin sendiri. Kalau benar, apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil untuk tidak menjejaskan nama baik Polis Merin negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, siasatan yang dijalankan menunjukkan adalah tidak benar dan tidak berasas bahawa anggota Polis Merin ada terlibat dalam beberapa kes rompakan di perairan Pantai Timur Sandakan. Walau bagaimanapun, sekiranya Yang Berhormat ada mempunyai apa-apa bukti, silalah sampaikan kepada saya untuk tindakan selanjutnya.

SUKATAN MATAPELAJARAN MUZIK

11. Tuan Saidin bin Adam minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan sukatan matapelajaran muzik diwujudkan di Sekolah-sekolah Menengah;
- (b) jika ada, bila; dan
- (c) jika tidak, mengapa tidak diadakan, sedangkan di peringkat sekolah rendah telah diajar murid-murid mulai dari tahun satu hingga tahun enam.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Pendidikan belum dapat mengadakan sukatan pelajaran matapelajaran muzik untuk peringkat Sekolah Menengah memandangkan masanya belum sesuai.

Walau bagaimanapun, kegiatan muzik tetap ada dijalankan di Sekolah Menengah dalam kegiatan ko-kurikulum di mana pelajar-pelajar yang berminat diberi peluang untuk mengambil bahagian mengikut kebolehan dan keupayaan masing-masing.

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN KAWASAN LANANG

12. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah peruntukan untuk pembangunan bagi infrastruktur bagi P.171 Lanang pada tahun 1990; dan
- (b) sama ada Kementerian ingin menambah peruntukan pada tahun ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1990, sejumlah \$10.614 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam bagi kawasan P.171 Lanang. Dari jumlah tersebut, sebanyak \$8.6 juta adalah untuk membiayai projek jalanraya manakala sebanyak \$2.014 juta ialah untuk bekalan elektrik luar bandar.

Bagi tahun 1991 pula, peruntukan untuk pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam bagi kawasan P.171 Lanang ialah \$15.964 juta. Dari jumlah ini, sebanyak \$14.664 juta diperuntukkan bagi projek jalanraya, \$0.3 juta untuk projek bekalan elektrik luar bandar dan \$1.0 juta untuk projek bekalan air luar bandar.

Jika dibandingkan peruntukan tersebut iaitu sebanyak \$10.614 juta bagi tahun 1990 dengan \$15.964 juta untuk tahun 1991, terdapat pertambahan bagi tahun ini sebanyak \$5.35 juta, iaitu pertambahan sebanyak kira-kira 50%. Pengundi-pengundi kawasan P.171 seharusnya bersyukur kepada Kerajaan atas peruntukan yang agak besar ini.

PERHUBUNGAN DUA HALA MALAYSIA - AUSTRALIA

13. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan bagaimanakah hubungan dua hala Malaysia-Australia sekarang. Apakah pihak Australia pernah berjanji kepada Malaysia untuk memperbetulkan imej negara ini di Australia berikutan serangan serta pemutarbelitan fakta oleh media massa Australia terhadap Malaysia beberapa bulan yang lalu.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, perhubungan dua hala di antara negara kita dengan Australia telahpun pulih seperti biasa berikutan dengan pertemuan antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dengan Perdana Menteri Australia pada pertengahan bulan Oktober tahun ini di ibukota negara Zimbabwe, Harare, bersempena dengan Persidangan Ketua-ketua Negara Kommanwel (CHOGM) baru-baru ini.

Hasil pertemuan ini, Kerajaan Australia berjanji akan bertindak untuk mengasingkan ataupun, dengan izin, disassociate diri mereka ataupun pendirian mereka daripada liputan atau laporan oleh mana-mana media massa Australia yang tidak benar dan sengaja memburukkan Malaysia.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, walaupun menurut Timbalan Menteri bahawa hubungan Malaysia dengan Australia sebagai

Kerajaan dengan Kerajaan adalah pulih dan pihak Kerajaan Australia juga memberi perakuan untuk mengasingkan diri daripada liputan akhbar, kita tahu bahawa liputan-liputan akhbar di Australialah yang menyebabkan pembentukan pemikiran ataupun opinion makers yang mempengaruhi pandangan prejudis rakyat Australia kepada kita. Jadi, adakah pihak High Commissioner kita di Australia telah mengesan pola perkembangan akhbar Australia setelah pemimpin-pemimpin Australia itu mengakui untuk memulihkan persahabatan dua hala antara kedua-dua negara ini?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak Wisma Putra, menurut laporan daripada Kedutaan kita di Australia, telah dapat mengesankan bahawa ada sedikit-sedikit komen berikutan dengan pertemuan kedua-dua Perdana Menteri itu di Harare. Walaupun, ada sedikit kritikan, tetapi tidaklah menjadi masalah besar kepada kita dan nampaknya ada baik sedikit kalau dibandingkan sebelum pertemuan antara kedua-dua Perdana Menteri yang berkenaan.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah Kerajaan justified, dengan izin, bertindak balas terhadap Kerajaan Australia kerana media massa di Australia bukan seperti media massa di Malaysia di mana electronic and printer media semua mouthpiece Mahathir dan Barisan Nasional sahaja.

Dan soalan kedua, adakah Kerajaan Malaysia justified memandangkan beberapa tahun lepas bahawa Menteri Penerangan Malaysia dengan sengaja menggiatkan wartawan-wartawan tempatan manufacture cerita-cerita yang buruk terhadap negara-negara Barat.

Dato' Dr Abdullah Fadil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya menyangkal sekeras-kerasnya dakwaan Ahli Yang Berhormat mengatakan pihak

Kerajaan memaksa akhbar-akhbar tempatan hanya memuji Kerajaan - tidak benar.

Yang keduanya, saya juga menyangkal sekeras-kerasnya tuduhan kononnya Menteri Penerangan ada mengarah akhbar-akhbar mereka cerita kononnya hendak memburukkan negara Australia. Kita tak boleh mereka keadaan-keadaan yang bukan berlaku. Walaupun ada berita-berita yang kritikal terhadap Australia, itu adalah kerana keadaan itu benar berlaku dan bukannya satu perkara yang direka-reka oleh mana-mana pihak. Maka tentang justification itu, memanglah benar-benar dianggapkan justified, sebab itu Perdana Menteri Australia sendiri telah sanggup mengasingkan Kerajaan Australia daripada bahan-bahan cerita akhbar-akhbar yang tak bertanggungjawab itu.

BANK ISLAM

14. Dr Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai perancangan untuk memajukan lagi sistem banking Islam yang dipelopori oleh Bank Islam dalam usaha membendung amalan riba di negara ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, jawapan berkaitan dengan perkara ini telahpun dijawab pada 12 November, 1991 iaitu semasa saya menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Bachok. Saya tidak ada maklumat tambahan dan tidak bercadang untuk mengulangi jawapan itu.

SEKOLAH MENENGAH AGAMA ISLAM BERASRAMA PENUH

15. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Pendidikan menyatakan:

(a) sehingga kini berapakah jumlah sekolah menengah agama Islam

berasrama penuh yang terdapat di bawah pengawasan Kementerian Pendidikan;

- (b) berapa ramaikah murid yang dapat ditampung oleh bilangan sekolah tersebut. Berapa pula jumlah calon yang memohon memasukinya; dan
- (c) apakah langkah Kerajaan untuk mengatasi kekurangan sekolah-sekolah tersebut.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Sehingga kini terdapat sebanyak tiga buah Sekolah Menengah Agama Islam yang bertaraf asrama penuh di bawah Kementerian Pendidikan.
- (b) Bilangan pelajar-pelajar yang dapat ditampung oleh ketiga-tiga Sekolah Menengah Agama Islam ini berjumlah 2,200 orang, manakala bilangan permohonan untuk memasukinya berjumlah 14,000 orang.
- (c) Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan Sekolah Menengah Agama Islam bertaraf asrama penuh itu ialah dengan menambahkan sebanyak sembilan buah lagi sekolah tersebut dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ada lagi 14,000 permohonan dan sekarang ini ada tiga buah Sekolah Menengah Islam Berasrama Penuh, saya ingin bertanya Yang Berhormat berkenaan berapakah jumlah dalam perancangan sekarang oleh pihak Kementerian Pendidikan untuk menambahkan sekolah asrama penuh bagi Sekolah Menengah Agama Islam dan adakah Kerajaan atau Kementerian bercadang untuk

mempertimbangkan satu bagi kawasan Pasir Mas, memandangkan Pasir Mas sekarang sudah bekerjasama dengan Kerajaan Pusat. (*Ketawa*)

Dr Leo Michael Toyad: Untuk menjawab soalan yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, tadi saya nyatakan sembilan buah sekolah ini adalah yang bertaraf asrama penuh dan di mana ada juga sekolah yang berasrama penuh yang bukannya bertaraf Sekolah Menengah Agama Islam, tetapi di sekolah-sekolah ini, memang pengajian pendidikan Islam diberi penekanan sebagai satu pelajaran yang diwajibkan untuk pelajar-pelajar Islam kita.

Berkenaan dengan soalan yang kedua itu, kita boleh pertimbangkan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta penjelasan dan keterangan iaitu saya difahamkan bahawasanya semasa Kerajaan Barisan Nasional memerintah Kelantan, Kementerian telah meluluskan satu projek untuk mendirikan sebuah Sekolah Menengah Agama Islam di kawasan Parlimen Tumpat iaitu di Jong Bakar Pantai. Dan kebetulan saya terlibat dalam Ahli Jawatankuasa Tanah (Majlis Daerah), dan perkara itu telahpun dimasukkan untuk kita membincangkan tapak yang diinginkan oleh pihak Kementerian, dan kita telahpun meluluskan tapak itu, sebaliknya pihak Kementerian nampaknya akhir-akhir ini telah memindahkan projek itu ke tempat lain. Kenapa, apakah benar ataupun tidak hal itu telah terjadi, apakah ini suatu penganiayaan ataupun ini suatu kejahatan yang ketara yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terlalu spesifik untuk saya menjawab di sini dan saya perlukan maklumat yang lebih lanjut lagi, baru saya dapat memberikan pandangan ataupun ulasan atas soalan ini.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan minat yang begitu tinggi oleh pihak ibu bapa dan juga murid-murid terhadap Sekolah Menengah Agama Islam ini, adakah Kerjaan bercadang untuk membina - kalau tidak pun sekolah-sekolah asrama penuh Sekolah-sekolah Menengah Agama Islam di setiap daerah ataupun di setiap kawasan Parlimen?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, kita telahpun menetapkan di dalam rancangan kita untuk membangunkan sekolah dan termasuk Sekolah Menengah Agama Islam, kita telah memberikan tumpuan di mana kita mengikut keperluan dan permintaan kawasan-kawasan tersebut dan saya tidak dapat memasti sama ada ianya terletak di kawasan 'Daerah' atau 'Daerah Pendidikan' atau kawasan Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Joseph Voon.

(Soalan No. 16 Y.B. Tuan Joseph Voon tidak hadir)

PERTUBUHAN AGAMA YANG DIDAFTARKAN

17. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa banyakkah persatuan-persatuan atau pertubuhan-pertubuhan agama yang telah didaftarkan di Malaysia;
- (b) dari jumlah ini berapakah jumlah dan nama pertubuhan yang didapati bercangghah dengan ajaran-ajaran asalnya dan Kementerian telah membatalkan pendaftarannya, serta sebab pembatalan tersebut; dan

(c) apakah tindakan dan kawalan Kerajaan berhubung dengan perkara ini supaya tidak mengancam keselamatan negara.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan ini:

- (a) Jumlah pertubuhan bercorak agama yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 sehingga Oktober, 1991 adalah sebanyak 2,827 buah.
- (b) Sehingga kini tiada pertubuhan-pertubuhan bercorak agama yang telah dibatalkan pendaftarannya kerana menjalankan aktiviti-aktiviti yang bercangghah dengan ajaran agama tersebut;
- (c) Semua aktiviti pertubuhan yang berdaftar di negara ini termasuk pertubuhan-pertubuhan agama tertakluk kepada Undang-undang Berdaftarnya dan juga Akta Pertubuhan 1966. Kegiatan-kegiatan sesuatu pertubuhan adalah sentiasa diawasi supaya ianya tidak menjalankan aktiviti yang bercangghah dengan undang-undang dan aktiviti yang mengancam keselamatan negara. Sekiranya sesebuah pertubuhan itu menjalankan aktiviti yang bercangghah dengan undang-undang ataupun menjalankan aktiviti yang boleh menjejaskan keselamatan negara ini, tindakan sewajarnya akan diambil selaras dengan undang-undang di negara ini termasuk membatalkan pendaftaran pertubuhan tersebut.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada 2,827 pertubuhan bercorak agama yang didaftarkan, adakah itu termasuk pertubuhan yang dikenali sebagai PAS. Dan pada waktu yang sama, saya ingin tahu tidakkah tindakan pertubuhan yang saya sebutkan tadi baru-baru ini di Memali, memang jelas

mencanggahi undang-undang negara dan saya rasa boleh juga dikaitkan kategori menimbulkan ketidakstabilan kepada keselamatan negara. Oleh itu, apakah tindakan yang akan diambil dalam hal ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, PAS bukanlah satu pertubuhan agama iaitu tidak berdaftar atas pertubuhan agama, ianya berdaftar atas pertubuhan parti politik. Dan untuk kejadian ataupun peristiwa di Memali, baru-baru ini, pihak Polis sedang memberi perhatian kepada perkembangan itu.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa PAS adalah sebuah pertubuhan politik, bukan pertubuhan agama. Saya hendak tahu adakah Akta Pertubuhan membezakan secara jelas apakah itu pertubuhan politik dan apakah itu pertubuhan agama, kerana setahu saya di dalam Akta Pertubuhan tidak ada langsung membezakan ini. Semua pertubuhan didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan.

Soalan yang kedua, adakah Kementerian berhasrat untuk mengadakan pindaan kepada Akta Pertubuhan bagi mendefinisikan secara khusus pertubuhan-pertubuhan agama supaya ianya tidak bercampur-aduk dengan pertubuhan-pertubuhan lain yang tidak bercorak agama?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sesebuah pertubuhan yang didaftarkan itu, mereka mempunyai perlembagaannya masing-masing. Daripada perlembagaan yang didaftar, yang diluluskan itu akan dapat kita tahu sama ada sesebuah parti itu bercorak agama ataupun bercorak politik. Jadi, dari segi perlembagaan PAS itu, kalau kita kaji keutamaan perlembagaan itu adalah semata-mata untuk parti politik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Wong Wing On.

(Soalan No. 18 Y.B. Tuan Wong Wing On tidak hadir)

MELAWAT AFRIKA SELATAN - KEBENARAN

19. Dr Nawawi bin Mat Awin minta Menteri Luar Negeri menyatakan bilakah rakyat Malaysia akan dibenarkan melawat Afrika Selatan, terutamanya bagi tujuan perdagangan dan sama ada sistem apartheid masih wujud dari segi amalannya sekarang dan kemungkinan orang-orang kita dikenakan syarat-syarat dan keadaan-keadaan yang menjatuhkan maruah mereka.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan keputusan Kerajaan yang dibuat pada 9 Oktober, 1991, rakyat Malaysia sekarang ini dibenarkan melawat Afrika Selatan bagi tujuan sosial, kebudayaan dan pelancongan. Tetapi lawatan bagi tujuan perdagangan masih tidak dibenarkan memandangkan sekatan ekonomi ke atas Afrika Selatan masih berkuatkuasa.

Mengenai sama ada sistem apartheid masih wujud dari segi amalannya di Afrika Selatan, beberapa perubahan telahpun berlaku dalam usaha Kerajaan Afrika Selatan untuk membasmi sistem apartheid. Tetapi pada pandangan Kerajaan kita, beberapa aspek sistem itu masih berlaku seperti ketiadaan suara orang-orang kulit hitam dalam pemerintahan Afrika Selatan. Sama ada rakyat Malaysia akan dikenakan syarat-syarat yang menjatuhkan maruah mereka, setakat ini Kerajaan belum mendapat apa-apa laporan tentang adanya syarat-syarat sedemikian. Kerajaan akan mengawasi keadaan dan perkembangan selanjutnya.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Malaysia pada hari ini selain daripada membenarkan rakyat Malaysia untuk melawat Afrika Selatan, membenarkan rakyat Afrika Selatan untuk melawat Malaysia. Dan jika ia, adakah pihak Kerajaan ataupun badan-badan lain bersedia untuk menjemput rakyat Afrika Selatan selain daripada ANC, Nelson Mandella dan sebagainya, kumpulan Melayu yang ada di Afrika Selatan, yang sudah lama terpisah daripada tanah asalnya supaya dapat datang melawat Malaysia dan sekurang-kurangnya mengeratkan kembali hubungan antarabangsa yang serumpun.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, untuk tujuan sosial, kebudayaan dan pelancongan, pihak Kerajaan bersedia menimbangkannya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Soal Jawab Mulut sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Soalan No. 3, 16, 18 dan 20 hingga 25 adalah diberi di bawah ini)

KURSUS IJAZAH BAHASA INGGERIS

3. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah kriteria pemilihan yang akan digunakan oleh Kementerian untuk memilih guru-guru bukan graduan untuk mengikuti kursus ijazah bahasa Inggeris yang dirancangkan oleh Kementerian;
- (b) apakah kriteria pemilihan yang telah digunakan semasa Kementerian memilih universiti

luar negara untuk mengadakan program kembar bagi maksud melatih guru-guru bahasa Inggeris;

- (c) sama ada Universiti Malaya, Institut Teknologi MARA dan lain-lain pusat pengajian tempatan tidak berupaya menjalankan program latihan guru-guru bahasa sehingga Kementerian terpaksa mendapatkan bantuan institusi luar negara; dan
- (d) berapa banyak perbelanjaan dijangka perlu disediakan untuk membiayai kos latihan guru-guru pelatih bahasa Inggeris dalam program kembar di antara Maktab Perguruan Ilmu Khas dengan 16 buah institusi di United Kingdom.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Kembar TESL masih lagi di peringkat perancangan. Sesi-sesi perundingan sedang dijalankan dengan pihak universiti-universiti. Keputusan muktamad akan hanya dikeluarkan selepas perbincangan teliti dibuat di peringkat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan.

JALAN RAYA DIBIYAI OLEH PERSEKUTUAN

16. Tuan Joseph Voon minta Menteri Kerja Raya menyatakan jalan raya-jalan raya yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan di negeri Sabah.

Tuan Kerk Choo Ting: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan raya-jalan raya yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan di negeri Sabah adalah jalan-jalan utama (trunk road) dan jalan-jalan menuju ke institusi-institusi persekutuan yang diwartakan sebagai jalan persekutuan, serta jalan-jalan luar bandar yang dibiayai oleh Kerajaan Pusat.

GURU TERLATIH DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH

18. Tuan Wong Wing On minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa kebanyakan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) di negeri Perak kini menghadapi masalah kekurangan guru-guru, jika ya, nyatakan sebab-sebab dan butir-butir serta langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sememangnya sedar bahawa terdapat kekurangan guru terlatih di semua sekolah rendah di seluruh negara, termasuk sekolah kebangsaan.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan sentiasa memastikan bahawa kekurangan guru terlatih ini tidak menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah kerana kekosongan itu telahpun diisi dengan guru-guru sandaran tanpa latihan. Sebahagian besar guru-guru sandaran yang dipilih telah didedahkan kepada teknik pengajaran dan pembelajaran yang dianjurkan oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri, Pegawai Pendidikan Daerah dan pihak sekolah. Ini adalah untuk membolehkan mereka menjalankan tugas dengan lebih berkesan.

Kementerian Pendidikan tidak dapat mengatasi masalah kekurangan guru-guru terlatih dengan cepat kerana:

- (i) proses melatih guru di maktab-maktab perguruan memerlukan masa selama 2 tahun;
- (ii) keperluan guru meningkat secara mendadak oleh kerana memenuhi perjawatan guru media, guru pemulihan dan guru pendidikan khas di samping memenuhi keperluan pendidikan mengikut Pekeliling 3/67 Pindaan 82 di

mana nisbah kelas guru dari 1:1.43 kepada 1:1.5 pada tahun 1982; dan

- (iii) keupayaan dan kemudahan di maktab-maktab perguruan adalah terhad.

Di antara langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kekurangan guru adalah seperti berikut:

- (i) Kementerian Pendidikan telah dan sedang menambah lebih ramai lagi calon guru yang mengikuti Kursus Pengajian Sekolah Rendah (Pengajian Cina) di maktab-maktab perguruan. Misalnya pada 4 tahun kebelakangan ini (1988-1991) pengeluaran guru SRJK(C) adalah 2 kali ganda (4176 orang) jika dibandingkan dengan pengeluaran (2176 orang) 4 tahun sebelumnya (1984-1987);
- (ii) membina 5 buah maktab perguruan baru dalam RM6 untuk menampung keupayaan maktab-maktab perguruan;
- (iii) meningkatkan bilangan pengambilan guru-guru pelatih dalam tahun-tahun akan datang, iaitu daripada 40,000 pengambilan semasa RM5 ditingkatkan kepada 62,900 dalam RM6;
- (iv) meneruskan pengambilan guru-guru sandaran untuk mengisi kekurangan guru-guru terlatih.

ELEKTRIK—KADAR CUKAI

20. Tuan Philip Yong Chiew Lip minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bahawa kadar cukai elektrik di negeri Sabah kira-kira 40% lebih tinggi daripada Semenanjung Malaysia dan untuk memperbaiki keadaan hidup orang Sabah, bilakah suatu tindakan yang realistik akan diambil untuk mengurangkan perbezaan ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Pertanyaan ini telah dijawab semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Aru pada 25.10.91 dan saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa.

DOKTOR PAKAR/DOKTOR DI HOSPITAL

21. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan doktor pakar dan doktor biasa di seluruh negara sehingga September 1991;
- (b) jumlah bilangan doktor pakar dan doktor biasa yang meletakkan jawatan sehingga September 1991;
- (c) jumlah bilangan doktor pakar yang diimport daripada negara asing sehingga September 1991; dan
- (d) apakah strategi Kementerian di dalam mengatasi masalah kekurangan doktor pakar di hospital-hospital pada masa ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):

- (a) Jumlah bilangan doktor pakar dan doktor biasa di Kementerian Kesihatan sehingga 30.9.91:

Doktor Pakar: 540 orang (dari angka ini, 77 adalah doktor warganegara asing)

Doktor Biasa: 3,463 orang
(Bukan Pakar)

- (b) Jumlah bilangan doktor pakar dan doktor biasa yang meletak jawatan 1.1.91 hingga 30.9.91:

Doktor Pakar : 21 orang

Doktor Biasa : 183 orang

- (c) Jumlah bilangan doktor pakar yang diimport daripada negara asing yang berkhidmat sehingga 30.9.91:

77 orang

- (d) Strategi Kementerian di dalam mengatasi masalah kekurangan doktor pakar di hospital-hospital pada masa ini ialah:

- (i) Menambahkan peluang kenaikan pangkat di mana untuk tempoh dari 1989-1998 sejumlah 583 jawatan kenaikan pangkat T/Tertinggi 'G' ke atas telah diluluskan untuk kegunaan kenaikan pangkat ini;

- (ii) Memperluaskan peluang-peluang melanjutkan pelajaran ijazah lanjutan di universiti tempatan dan luar dengan cara menambah jumlah biasiswa dan cuti tanpa gaji;

- (iii) Elaun dan gaji yang menarik seperti yang diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri baru-baru ini;

- (iv) Pengambilan pakar secara kontrak bagi menampung kekosongan jawatan. Setakat ini, 261, jawatan telah diberikan untuk diisi secara kontrak jangka pendek.

KUMAN AIDS

22. Dr Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah jaminan Kerajaan bagi memastikan darah dalam Tabung Darah Hospital di negara ini benar-benar bebas daripada kuman AIDS;
- (b) adakah benar satu kejadian telah berlaku di Hospital Universiti baru-baru ini di mana seorang pesakit anaemia menerima darah mengandungi kuman AIDS;
- (c) apakah Kerajaan bercadang membenarkan sistem pemindahan darah daripada penderma kepada pesakit tanpa mendapatkan bekalan dari tabung darah;
- (d) adakah Kerajaan mencadangkan supaya diwujudkan insurans bagi kakitangan Kerajaan seperti kakitangan hospital, penjara dan polis yang terdedah kepada kuman AIDS (HIV) khususnya banduan yang dikenalpasti sebagai pembawa HIV.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telahpun saya buat dalam jawapan saya kepada soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad dari Parit Sulong pada 21.10.91.

BEKALAN AIR

23. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan bercadang untuk memusatkan pentadbiran air di negara ini untuk memastikan pembekalan yang mencukupi pada masa hadapan berikutan 'fiasco air' di Melaka.

5.12.91

14. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) tentang kemajuan dan keputusan 'Lembaga Air Negara' dalam rundingan dengan semua negeri di Semenanjung Malaysia; dan
- (b) rancangan jangka panjang dan pendek Kementerian untuk mengatasi masalah air di daerah Kulim, Kedah Darulaman, memandangkan Kulim akan jadi tapak industri HITECH dan kawasan perumahan yang banyak.

9.12.91

13. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kerja Raya menyatakan mengenai pengambilan alih pembekalan air oleh Kerajaan Pusat dan penubuhan satu Lembaga Air Negara (LAN):

- (a) apakah bidangkuasa, fungsi dan kuasa yang akan diberikan kepada Lembaga ini;
- (b) apakah sebab perlunya LAN ini dan bilakah ia akan ditubuhkan;
- (c) adakah LAN ini akan menimbang semula perjanjian penjualan air mentah oleh Johor ke negeri Melaka di mana rakyat Melaka dikenakan harga 20 sen seribu gelen berbanding dengan 3 sen seribu gelen kepada Singapura; dan
- (d) negeri manakah yang menyetujui penubuhan LAN ini.

12.12.91

4. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah perkembangan terakhir mengenai cadangan Kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan Lembaga Air Negara. Sudahkah pihak

Kerajaan-kerajaan Negeri diberi peluang meneliti serta mengulas kertas cadangan tersebut dan apa pula cadangan balas daripada mereka.

18.12.91

10. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Kerja Raya menyatakan bagaimanakah Kerajaan memastikan rakyat mendapat bekalan air mencukupi tanpa pengambilalihan Jabatan Bekalan Air Negeri-negeri oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Kerk Choo Ting: Saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai pada 5.12.91, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 9.12.91, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah pada 18.12.91 dan juga Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong pada 12.12.91 sekaligus, memandangkan soalan-soalan tersebut adalah berkaitan dengan perkara yang sama iaitu pemusatan pentadbiran air di negara ini.

Cadangan memusatkan pentadbiran air di negara ini telahpun dibawa dalam Persidangan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri pada 31 Oktober 1991 lalu. Keputusan dari persidangan ialah menubuhkan satu Majlis Air Negara (MAN) bagi menyelaras pentadbiran bekalan air dengan Kerajaan-kerajaan Negeri. Fungsi-fungsi MAN serta perkara-perkara berkaitan akan ditentukan apabila Kerajaan Persekutuan mengadakan perbincangan lanjut dengan Kerajaan-kerajaan Negeri nanti.

KEMPEN ANTI—MALAYSIA

24. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan setakat manakah kesan-kesan kempen anti-Malaysia menjejaskan

kan pelaburan-pelaburan asing. Dan apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil bagi tindakbalas di atas kempen-kempen negatif terhadap ekonomi Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan S. S. Subramaniam): Setakat ini, kempen-kempen anti-Malaysia belum memberi kesan ke atas minat pelabur-pelabur asing untuk melabur di Malaysia. Ini dapat dibuktikan dengan trend positif dalam pengaliran modal pelaburan ke negara kita. Dalam tahun 1990, jumlah cadangan modal pelaburan bagi Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 ialah sebanyak \$28.168 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak \$17.629.1 juta atau 62.5% merupakan cadangan modal pelaburan asing. Bagi tempoh Januari-September 1991 pula dari jumlah cadangan modal pelaburan sebanyak \$22.671.1 juta, sebanyak \$12.758.6 juta atau 56.2% merupakan cadangan modal pelaburan asing. Selain dari pelaburan baru, kebanyakan daripada pelaburan ini adalah pelaburan semula sama ada untuk pembesaran atau keluaran tambahan. Misalnya daripada 622 projek perkilangan yang telah diluluskan dalam tahun 1990, 100 projek melibatkan pelaburan semula.

Walaupun setakat ini kempen-kempen antarabangsa tidak mempunyai kesan ke atas iklim pelaburan Malaysia, namun demikian, Kerajaan akan mengambil tindakan sewajar untuk memastikan kempen-kempen ini tidak menjejaskan pembangunan negara di masa depan. Di antara langkah-langkah ini termasuk:

- (i) penyertaan Malaysia secara aktif dalam mesyuarat dan persidangan antarabangsa di mana Malaysia telah mengemukakan pendirian negara dengan jelas dan juga menangkis apa-apa salah tafsiran atau salah anggapan;

- (ii) mengadakan misi-misi penggalakan pelaburan ke luar negeri untuk menjelaskan dasar-dasar Kerajaan serta menarik pelabur-pelabur ke Malaysia;
- (iii) bekerjasama rapat dengan negara-negara dan pertubuhan-pertubuhan yang memahami keadaan sebenar di Malaysia.

KAD KREDIT DAN KAD CAJ— PENGGUNAAN

25. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sejauhmanakah seriusnya penggunaan kad-kad kredit di negara ini telah mempengaruhi keadaan perbelanjaan dan inflasi di negara ini; dan
- (b) apakah Dasar Kementerian dari segi:
 - (i) peraturan pengeluaran kad kredit;
 - (ii) sistem pengawalan penggunaan kad kredit; dan
 - (iii) cara perbelanjaan pemegang kad kredit.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Setakat ini kesan penggunaan kad kredit dan kad caj ke atas kenaikan kadar inflasi negara masih belum dapat dibuktikan dengan statistik yang kukuh. Dalam kajian awal yang dibuat oleh Bank Negara, jumlah kredit yang diberi melalui penggunaan kad kredit hanyalah kira-kira 0.8% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem bank. Dengan itu, kesannya ke atas inflasi adalah amat kecil. Di samping itu juga merupakan perbelanjaan yang dibuat melalui kad kredit juga merupakan sebahagian kecil daripada jumlah perbelanjaan penggunaan di negara ini di mana anggaran kasarnya bagi setengah tahun pertama 1991 adalah kira-kira 6% daripada jumlah perbelanjaan penggunaan.

Pada masa ini, pihak Bank Negara sedang menjalankan kajian yang lebih terperinci mengenai operasi kad kredit dan kad caj di negara ini. Oleh itu, Kerajaan masih belum mengenakan apa-apa peraturan mengenai pengeluaran dan penggunaan kad kredit dan kad caj di negara ini selain daripada mengawasinya sahaja. Sebarang keputusan untuk mengawal pengeluaran dan penggunaan kad kredit dan kad caj akan dibuat selepas kajian mengenainya selesai dijalankan oleh Bank Negara nanti.

Sungguhpun begitu, sukacita juga dimaklumkan bahawa sebagai langkah awal ke arah mengawal perniagaan tanda kredit (dengan izin, credit token business) yang termasuk kad kredit dan kad caj, Kerajaan telah mengkelaskan perniagaan itu sebagai institusi-institusi terjadual di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 di mana mereka dikehendaki berdaftar dengan Bank Negara dan menyampaikan maklumat-maklumat mengenai perniagaan mereka kepada Bank Negara. Melalui maklumat-maklumat yang diterima, Bank Negara akan dapat mengikuti perkembangan dalam perniagaan kad kredit dan kad caj.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1992

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1992

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1992 dan Anggaran Pembangunan 1992

dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (*Hari Keempat*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Maksud B.17 (Jadual)—

Maksud P.17 (Anggaran Pembangunan, 1992)—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab masa untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 1992 dalam Jawatankuasa ini dihadkan oleh Peraturan Mesyuarat selama 16 hari sahaja, yang demikian tidaklah patut seorang Ahli itu berucap terlalu panjang seperti di dalam Bacaan Kali Yang Kedua di dalam mana-mana butir.

Selain dari itu kita patut memberi peluang kepada lain-lain Ahli juga untuk berucap. Oleh yang demikian, kita telah memutuskan seorang Ahli itu hendaklah berucap di dalam tempoh 15 minit sahaja. Kami berharap akan mendapat kerjasama dari Ahli-ahli supaya mesyuarat dapat diselesaikan dengan secara licin. Parit Sulong sambung 15 minit.

3.35 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di dalam mengakhiri perbincangan pada hari Jumaat yang lalu, saya telah mendesak Kementerian Belia dan Sukan supaya menghalusi cadangan saya di Dewan yang mulia ini sebelum ini iaitu supaya diwujudkan jawatan Pegawai Pembangunan Belia di peringkat akar umbi iaitu di peringkat mukim dan kampung-kampung.

Ini memandangkan bahawa Pegawai Belia yang terdapat di daerah-daerah hanya seorang sahaja pada setiap daerah yang saya rasa memang tidak mencukupi untuk memenuhi tugas dan tanggungjawab yang berat untuk membangunkan generasi belia di masa akan datang.

Saya ingin tahu sekiranya Kementerian Belia dan Sukan menghadapi apa-apa halangan di dalam mewujudkan jawatan tersebut dan kalau ada berilah tahu kepada kami di Dewan ini supaya kita tahu apakah sebab-sebabnya. Oleh kerana saya yakin pihak Jabatan Perkhidmatan Awam tidak mungkin akan menyekat pertambahan ataupun pengwujudkan jawatan-jawatan seperti itu, oleh kerana apa yang diperlukan adalah untuk membina generasi belia kita di negara ini. Jika belia kita rosak pada hari ini bermakna khazanah negara akan disia-siakan. Dan sekiranya belia kita hancur bermakna masa depan kita juga akan hancur di masa akan datang.

Tuan Pengerusi, kini saya beralih kepada Butiran 00100 di bawah Maksud P.17 iaitu mengenai Institut Kemahiran Belia Negara. Dalam konteks ini saya ingin membicarakan masalah enam buah Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) iaitu di Dusun Tua, di Pertak, di Jitra, Wakaf Tapai, Kem Belia Waja dan di Bandar Sri Iskandariah, yang keseluruhannya menerima dalam peruntukan tahun hadapan sebanyak lebih kurang \$11,850,000; dan juga mengenai Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara di Sepang yang menerima \$50,000.

Tuan Pengerusi, saya sedar bahawa IKBN dan IKTBN adalah tempat untuk belia-belia yang kurang tinggi tahap pendidikannya untuk mendapat dan menimba pendidikan dari segi vokasional dan kemahiran yang lain. Saya memang amat berbangga dengan usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan dalam hal ini.

Pada hari Isnin yang lalu, Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan pula memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa lebih banyak lagi IKBN dan mungkin juga Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) akan diwujudkan di seluruh negara tidak lama lagi. Ini juga merupakan satu perancangan yang futuristic dan lagi bijak. Bagaimanapun, saya ingin mendapat tahu kenapakah pusat-pusat tersebut yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Latihan Belia, kini ditukar menjadi Institut Kemahiran Belia. Adakah pertukaran ini disaingi dengan kenaikan taraf latihan yang akan disediakan? Jika taraf latihan dinaikkan, tidakkah ini bermakna bahawa syarat kelayakan untuk memasuki institut seperti itu juga akan ditingkatkan? Dan seterusnya, tidakkah ini bermakna lebih ramai golongan belia yang agak sukar untuk mendapati tempat menuntut ilmu vokasional dan kemahiran di institut berkenaan?

Tuan Pengerusi, selanjutnya saya ingin tahu dan saya amat terkejut lagi hairan bila terbaca dalam satu akhbar lebih kurang dua bulan yang lalu, mengenai kenyataan Menteri Belia dan Sukan yang mengatakan bahawa seluruh Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) yang ada sekarang ini akan diswastakan.

Kita tahu IKBN bukanlah organisasi membuat untung ataupun dengan izin, profit making bodies. Kalau institut-institut yang telah dinaikkan taraf ini hendak diswastakan, saya ingin tanya kenapakah ianya akan diswastakan. Atas rasional apakah ianya hendak diswastakan? Oleh itu saya minta penjelasan dari Menteri Belia dan Sukan atau wakilnya apakah yang dimaksudkan dengan penswastakan dalam konteks IKBN ini. Apakah skop penswastakan itu? Apakah objektifnya dan apakah matlamatnya? Bagaimanakah cara-cara penswastakan ini hendak dilaksanakan?

Saya juga ingin tahu, Tuan Pengerusi, kepada siapakah IKBN yang akan diswastakan itu kelak akan bertanggungjawab, kepada Kerajaan ataupun kepada keuntungan yang akan dikaut oleh pihak swasta yang mengendalikannya, itupun kalau boleh untung. Lepas itu macam manakah generasi belia yang hendak memasuki IKBN swasta ini? Adakah mereka akan dikenakan bayaran ataupun mereka akan diberi tempat secara percuma. Jika mereka akan dikenakan bayaran dalam IKBN swasta ini, adakah Kementerian Belia dan Sukan sedar bahawa tindakan ini akan mengurangkan jumlah belia yang boleh mendapat ilmu-ilmu vokasional di dalam institut-institut tersebut, khususnya belia-belia yang miskin dari luar bandar.

Tuan Pengerusi, penjelasan-penjelasan yang saya pinta ini saya rasa adalah wajar untuk diberi jawapan dalam Dewan yang mulia ini. Pada waktu yang sama saya harap Kementerian Belia dan Sukan kalau benarlah terdapat ura-ura penswastakan itu, harap tangguhkan dahulu. Kita harus mengkaji sedalam-dalamnya untung dan ruginya, baik dan buruknya. Kita harus mengkaji implikasinya kepada rakyat jelata, kepada rakyat miskin, kepada generasi belia yang miskin dari kampung-kampung yang mengharapkan untuk mendapat tempat dan menimba ilmu vokasional dan kemahiran dari institut kemahiran yang disediakan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya sedar bahawa observation saya ini mungkin adalah berasaskan berat mata memandang, tetapi lebih berat lagi bahu yang memikulnya, iaitu Kementerian Belia dan Sukan. Bagaimanapun, saya memperkatakannya atas keikhlasan demi kebaikan semua. Dengan itu, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Pasir Mas, selepas ini Menteri menjawab.

3.42 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya merujuk kepada mukasurat 65, B.17, 030000 Sukan.

Tuan Pengerusi, kita masih ingat pada tahun 1989 negara kita menjadi tuan rumah kepada Sukan SEA dan pada tahun itu negara kita sudah mencapai kejayaan di peringkat nombor dua di kalangan negara-negara ASEAN yang mengambil bahagian dalam sukan tersebut. Kejayaan pada waktu itu tidak disangka ataupun tidak termimpi oleh mana-mana pihak sekalipun. Kalau tidak silap saya, kita memperolehi 69 pingat emas sehingga kejayaan dan kegemilangan Sukan SEA yang berlangsung pada tahun 1989 masih terasa oleh kita, bukan sahaja kita cemerlang dalam bidang sukan tetapi juga kita telah dapat mengharumkan negara kita. Sekarang Sukan SEA sedang berlangsung di Manila. Walaupun masih banyak lagi acara-acara yang sedang dipertandingkan, tetapi setakat ini negara kita baru mencapai 20 pingat emas. Rata-rata rakyat ataupun golongan yang mementasi sukan yang mengikuti perkembangan Sukan SEA yang sedang berlangsung di Manila sekarang ini memperkatakan dan bertanya apakah sebab bahawasanya prestasi negara kita begitu jauh menurun kalau dibandingkan dengan tahun 1989. Hanya setakat ini baru 20 pingat emas.

Kita berasa bangga pada tahun 1989 dan ucapan kita dari segi tahniah kepada ahli-ahli sukan yang berjaya mencurahkan sehingga berbagai-bagai usaha telah kita cadangkan, berbagai-bagai program kita cadangkan supaya diberi inisiatif kepada ahli-ahli sukan negara kita dalam semua lapangan, tetapi apakah sebab bahawasanya setakat ini kedudukan kita begitu menurun sekali. Mungkin dalam beberapa hari lagi kita akan menambah pingat emas. Kita berdoalah supaya kita dapat menambah sebanyak mungkin pingat emas sebelum Sukan SEA ini tamat.

Tetapi saya rasa tidak menjadi masalah atau tidak melampau kalau saya ingin membuat cadangan di sini, Tuan Pengerusi, memandangkan perkembangan yang berlaku di Sukan SEA sekarang ini di Manila. Mengikuti laporan yang saya baca dalam akhbar-akhbar, komen-komen daripada jurulatih organisasi sukan yang mengambil bahagian dan memandangkan bahawa negara kita juga sedang sibuk sekarang ini melobi untuk menjadi tuan rumah kepada Sukan Komanwel pada tahun 1996, maka saya ingin mencadangkan berasaskan kepada apa yang berlaku mengenai dengan prestasi kita di Manila sekarang ini dengan perbandingan Sukan SEA pada tahun 1989, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan menubuhkan Jawatan-kuasa Kabinet untuk mengkaji kedudukan prestasi sukan negara kita ini.

Saya menyatakan demikian, pada tahun 1998 kemungkinan besar Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Sukan Komanwel ini. Saya ingin mengetahui apakah kita berhasrat untuk menjadi tuan rumah ini kerana semata-mata kita hendak memajukan sukan ataupun kita hendak menggunakan sukan sebagai salah satu acara untuk menarik lebih ramai lagi pelancong ke negara kita, iaitu untuk memperkenalkan negara kita kepada dunia luar. Kalau semata-mata untuk itu, saya cadangkan ianya dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Sememangnya tak dapat dinafikan kegiatan dan program seumpama ini boleh menarik pelancong-pelancong, tetapi dari segi falsafahnya, dari segi prinsipnya, ia mesti menekankan bahawa kalau kita hendak menjadi tuan rumah mesti atas kepentingan kemajuan sukan, selain daripada cara tak langsung untuk kepentingan memperkenalkan negara kita kepada pelancong. Kalau itulah keadaannya, apakah kita sudah bersedia untuk menempuh era tersebut, iaitu 8 tahun daripada sekarang dan

Sukan SEA akan berlangsung dua tiga kali lagi sebelum sampainya pada tahun 1998 ini.

Saya bimbang, Tuan Pengerusi, awal-awal lagi saya bercakap ini sebab kalau kita jadi tuan rumah, negara Komanwel yang jumlahnya besar, termasuk negara-negara kecil, kita jadi tuan rumah, tiba-tiba St. Lucia yang 160,000 penduduk datang ke Malaysia ini mendapat lebih banyak pingat emas daripada Malaysia, tak malukah muka nanti? Ini keadaannya. Sebab itu saya mengingatkan perkara ini kerana kita tak mahu bercakap besar, kita tak hendak dengar kenyataan yang besar-besar ini, yang seronok-seronok oleh beberapa Menteri-menteri ini sekian banyak pingat, tetapi baru setakat 20. Kita ucapkan tahniah kepada mereka yang sudah berjaya, atlit-atlit kita, ahli-ahli sukan negara kita yang sekarang ini sudah sampai 20 pingat emas. Nasib baik sampai 20, nasib baik itu. Apakah sebabnya? Saya katakan tadi, saya cadangkan supaya ditubuhkan Jawatankuasa Kabinet sebagai jawatankuasa pemandu sehingga kepada tahun 1998 nanti, sehingga sampainya kepada saat-saat untuk kita menjadi tuan rumah kepada Sukan Komanwel.

Perlunya saya mengatakan demikian, Tuan Pengerusi, ianya perkara besar. Saya ingin hendak tahu apakah punca kemerosotan ini, kerana insentif kita kurangkah ataupun kerana latihan tak cukupkah ataupun disiplin tak betulkah, pengurus tak betulkah atau Kementeriankah tak betul dari segi layanan kepada organisasi-organisasi sukan ini. Ini sekadar pandangan yang membina sebab kita tak mahu dalam pada kita merasa kejayaan pada tahun 1989 cukup seronok, jangka 50 lebih, sampai 69, seronok.

Hari ini, dalam masa beberapa hari baru-baru ini setiap penduduk rakyat Malaysia berada di depan kaca TV sampai pukul 1.00, 2.00 pagi tunggu hendak tengok berapa pingat emas kita dapat. Sekarang ini pukul 11.00 pun sudah tutup, tak larat lagi hendak tengok

sebab tak dapat pingat emas, tak dapat prestasi sama dengan yang dahulu. Jadi kita hendak tahu sebab-sebabnya. Walaupun terlalu awal saya mengatakan demikian, tetapi ianya serius kerana kita tak mahu negara kita di dalam bidang sukan diketawakan oleh orang, mesti ada sebabnya. Sebab sebahagian besarnya atlit-atlit yang sama, peserta-peserta yang sama.

Kalau ada perbezaan pun tidak ramai. Dari segi sukan renang, cuma Nurul Huda yang tidak mengambil bahagian, yang lain-lain kebanyakannya semua ada, kenapa kita kalah? Mengapa kita tidak berjaya? Ini yang saya hendak tahu, dan saya harap Kementerian Belia dan Sukan ambil perhatian. Kalau saya tidak menyebut atau tidak mengambil bahagian, saya rasa seolah-olah saya tidak bertanggungjawab sebab saya ini peminat sukan dalam semua lapangan, daripada gusti, baik daripada segala-galanya. Yang tidak minat ialah ahli-ahli PAS sahaja termasuk Pengkalan Chepa, (*Ketawa*) dia tidak ada.

Baru-baru ini, Tuan Pengerusi, dia bantai saya cukup-cukup bila saya bercakap bab Memali. Ini saya tidak hendak jawab, saya hendak jawab dalam Kementerian Dalam Negeri nanti, saya harap dia ada di-sinilah nanti, saya hendak beri cukup-cukup nanti.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat Tumpat bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Pengerusi, apa hubungan ahli PAS dari Pengkalan Chepa dengan sukan ini? (*Ketawa*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ada hubungan sebab dia tidak minat sukan. (*Ketawa*) Selalunya dia bercakap itu Islam, ini Islam, tidak adakah sukan Islam? Islamic sports, takkan tidak ada?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Pengerusi, daripada mana dia faham dan dia mengatakan bahawasanya kita tidak minat sukan? Saya sanggup bersukan dengan Yang Berhormat dari Pasir Mas ini. *(Ketawa)* Sukan apa dia mahu lawan dengan saya, semua saya mahu lawan, badmintonkah, teniskah, apapun saya sanggup! *(Ketawa)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Gusti agaknya. *(Ketawa)*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Gusti juga!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya Tuan Pengerusi.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Kalau gusti dia kalah pada saya. *(Ketawa)*

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, ini yang saya kata orang PAS ini kadang-kadang dia bercakap bohong. Saya boleh beri bukti sekarang, saya tidak fikir bahawa Yang Berhormat dari Tumpat mengerti main tenis. Macam mana orang main tenis? *(Ketawa)* Macam mana dia kira, bila pukul bola macam mana kira? Cuba cerita sekarang, saya beri peluang. Kalau tidak boleh ha, siap! Macam mana orang main tenis? *(Ketawa)*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Benarkanlah atau tidak saya bermain tenis dengan Yang Berhormat dari Pasir Mas? Kalau dibenarkan, boleh kita sama-sama menonton di gelanggang, beri reket tenis kepada saya dan beri reket tenis kepada dia, saya kira kosong, dia akan dapat kosong. *(Ketawa)*

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya bukan persoalan, soal hendak lawan, bila-bila pun boleh, tetapi saya hendak minta Yang Berhormat huraikan macam mana orang main tenis, kiraan mata.

Cuba cakap sekarang, kalau tidak ini saya tangkap siang-siang - tangkap basah ini.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Pengerusi, saya bukan jurulatih tenis, saya pemain tenis! *(Ketawa)*

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya tahu, Tuan Pengerusi, itu dia omong-omong kosong. Tumpat, mana ada tennis court pun? *(Ketawa)* Bila dia main tenis ini? Inilah cara orang PAS, biasalah, tidak menjadi benda yang aneh. Tetapi, saya hendak berbalik kepada perkara yang saya bercakap tadi, Tuan Pengerusi, fasal masa tidak banyak. Jadi, saya harap perkara ini mendapat perhatian daripada Kementerian Belia dan Sukan supaya prestasi sukan negara kita tidak seperti harga saham, waktu naik, waktu turun, naik turun, naik turun - kalau hendak cemerlang, biarlah cemerlang sebenar-benarnya. Ini sudah ada macam-macam dasar, Malaysia Cergas, Dasar Induk Belia Negara baru-baru ini, alih-alih tidak sampai dua tahun, turun menjunam di Manila. Itu perkara yang pertama.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, saya hendak sebut Butiran 00200 - Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara yang disebut oleh Ahli Parlimen dari Parit Sulong tadi, bersabit dengan soal apakah sebab-sebab institusi ataupun IKTBN ini hendak diswastakan dan minta ditangguhkan.

Bab ini mungkin saya tidak berapa bersetuju dengan pandangan daripada Ahli Parlimen Parit Sulong dan sebelum ini pernah saya bercakap mengenai perkara yang sama bersabit dengan latihan di kalangan para belia. Saya tidak kira soal Kerajaan hendak jalankankah, swasta hendak jalankankah, yang saya pentingkan ialah kurikulum latihan itu supaya dapat ditailorkan dengan kehendak pasaran sekarang, supaya belia-belia kita yang kita lahirkan dapat memenuhi kehendak seperti melatih

belia-belia menjadi skilled workers. Bukan lagi setakat tukang jahit dok potong baju, jadi tukang gunting, tetapi lebih meningkat supaya sesuai dengan kehendak tenaga mahir sekarang ini.

Ini tidak mencukupi dan saya percaya kalau dibuat melalui secara penswastaaan, saya rasa ianya lebih tepat dari segi kehendak dan objektif sekarang. Kalau dilibatkan institusi-institusi lain yang penting, Kerajaan tidak perlu lagi menanggung beban dari segi kosnya dan kalau pihak swasta hendak untung, untunglah, kita pun hendak menggalakkan orang swasta dapat untung. Trend pemikiran kita mesti betul, perception kita terhadap sesuatu dasar, tetapi tinggal lagi yang pentingnya ialah apa yang kita hendak lahirkan itu, sama ada hendak lahirkan robot, 'yes man' ataupun yang inferiority complex, yang takut dan sebagainya.

Kita hendak yang betul-betul kita lahirkan bukan sahaja dari segi latihan yang kita beri itu sesuai dengan pasaran sekarang tetapi pada masa yang sama berani, ada inovasi, gigih dalam segala hal, sanggup menempuh cabaran, tidak ada inferiority complex dan seumpamanya.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan sedikit sebab saya tahu kawan saya di sebelah beritahu mengatakan bahawa Tuan Pengerusi tidak akan membenarkan orang lain bercakap. Saya minta penjelasan kepada sahabat saya dari Pasir Mas. Kita memang dukacita di atas Pingat Emas kita di Manila. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Pasir Mas, nampaknya kejayaan Pingat Emas kita bukan daripada hasil Kementerian tetapi hasil daripada kegigihan ibu bapa. Badminton - Pak Sidek, Adik Wan Zaleha Radzi - saya tidak kenal nama adiknya, tetapi Wan Zaleha saya kenal, (*Ketawa*) adik Wan Zaleha Radzi dahulu pun menang kerana bapanya. Rosman Alwi - bapanya juga, Nurul Huda - emaknya, itu semua

adalah hasil daripada kegigihan ibu bapa. Kita lihat rombongan yang ke Manila terlalu ramai dengan pegawai-pegawai tetapi kemenangannya adalah hasil daripada kegigihan ibu bapa. Jadi saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, tidak ada masa lagi, tinggal setengah minit.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Payah hendak jawab. Saya rasa kalau saya jadi Menteri senang saya jawab ini. Itu bergurau sahaja, Tuan Pengerusi. Walau macam manapun, memang kita sedar, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Kota Setar, memang kebanyakannya jaguh-jaguh sukan negara kita adalah hasil dari ibu bapa. Hasil dari ibu bapa sebahagiannya, tetapi dari segi sumbangan kepada pihak Kerajaan dan Kementerian kita tidak nafikan. Kerajaan sudah banyak membelanjakan dari segi peruntukan untuk memajukan sukan negara kita. Pendek kata semuanya ada tanggung-jawab masing-masing, tetapi macam manapun, kita mesti mengenali secara khusus apakah masalah yang sebenarnya menyebabkan sukan negara kita ini menurun. Jadi saya hendak balik kepada perkara.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sudah cukup?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, sudah cukup.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Gulung pun belum lagi!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sudah lebih seminit.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini Tumpatlah kacau tadi. Baik, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jawapan Kementerian.

3.59 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada dua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, teguran serta syor-syor yang membina kepada Kementerian saya, iaitu Yang Berhormat dari Parit Sulong dan juga Yang Berhormat dari Pasir Mas. Kesemua pandangan-pandangan yang mereka beri itu adalah bernas-bernas belaka dan insya Allah, kita akan mengambil perhatian.

Yang Berhormat dari Parit Sulong bolehlah saya gulungkan ataupun saya rumuskan empat perkara yang dibangkitkan oleh beliau; pertama, mengenai masalah Program Induk Belia Negara (PIBN); kedua mengenai masalah krisis dalam pertubuhan belia; ketiga masalah perjawatan di Kementerian Belia dan Sukan; dan keempat masalah IKBN ataupun Institut Kemahiran Belia Negara.

Yang Berhormat dari Pasir Mas membangkitkan dua perkara pokok, perkara penting juga, iaitu masalah sukan dan masalah IKBN.

Tuan Pengerusi, izinkan saya memberi sedikit penjelasan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Mula-mula sekali saya hendak memberi ulasan kepada perkara, persoalan ataupun isu-isu yang

dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong mengenai empat perkara yang saya anggap valid belaka serta berkaitan dengan masalah yang sedang kita hadapi sekarang.

Mengenai masalah PIBN ataupun Program Induk Belia Negara, sukacita saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa PIBN bukannya satu dasar baru yang membubarkan dasar-dasar yang sedia ada, iaitu Dasar Belia Negara dan juga Dasar Sukan Negara. Ianya juga bukan pengganti kepada kedua-dua dasar tersebut.

Dasar Belia Negara dan juga Dasar Sukan Negara kekal macam itu juga, kita tidak pinda, kita tidak ubah malahan kita telah memberi imej baru ataupun kita bukukan dengan presentation yang lebih menarik lagi untuk tatapan ramai.

Sebenarnya PIBN ini adalah merupakan program-program tindakan dan implimentasi kepada Dasar Belia Negara dan juga Dasar Sukan Negara. Sepuluh program induk seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong itu adalah merupakan terjemahan dalam bentuk program kepada matlamat, tujuan, falsafah sebagaimana yang terdapat dalam Dasar Belia Negara. Dan sepuluh program ini adalah disesuaikan dengan sembilan cabaran utama sebagaimana yang ditonjolkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang mesti kita tempohi dari sekarang sehingga tahun 2020 kelak.

Tuan Pengerusi, ini juga tidak bermakna sebelum PIBN ini digubarkan pihak Kementerian tidak membuat sesuatu sebagaimana yang dikehendaki oleh Dasar Belia Negara, cuma perbezaan sekarang ini ialah kita ingin melaksanakan program ini dengan lebih sistematik, lebih komprehensif dan dengan cara memperkenalkan logo bagi tiap-tiap program induk tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat juga perancangan dan pelaksanaan PIBN telah dibentangkan dan dibincangkan dalam Majlis Perundingan Belia Negara pada Sidang Pertama Penggal ke 15 iaitu pada 6hb Mei, 1991 yang lalu di Pusat Belia Antrabangsa.

Tuan Pengerusi, mengenai cadangan tenaga penggerak kepada PIBN, memang diakui bahawa pihak Kementerian menghadapi masalah kekurangan pegawai dan kakitangan terutama sekali di peringkat daerah. Walau bagaimanapun Kementerian saya telah menyediakan cadangan penyusunan semula untuk menambah keperluan pegawai dan meningkatkan taraf pegawai di semua peringkat. Cadangan ini telahpun dihantar kepada JPA untuk pertimbangan dan kelulusan. Jadi sementara menunggu kelulusan dari pihak JPA buat sementara waktu ini, kita telah mewujudkan Pasukan Pelopor Belia Negara dan juga Pasukan Pelapis Belia Negara bagi tujuan untuk membantu pelaksanaan PIBN di peringkat akar umbi atau di peringkat daerah dan kampung. Dan pada masa yang sama Tuan Pengerusi, sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong itu, Kementerian saya memang telah mewujudkan Jawatankuasa Penyelaras Pelaksanaan PIBN di peringkat nasional ataupun kebangsaan yang dianggotai oleh agensi-agensi Kerajaan, badan-badan swasta dan sosial serta badan-badan belia dan sukan. Di samping itu juga Jawatankuasa yang serupa telahpun ditubuhkan diperingkat negeri dan juga daerah.

Mengenai masalah krisis dalam pertubuhan dan badan-badan belia sebagaimana yang didakwakan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong sehingga kelihatan bercelaru, berkecamuk, huru-hara dan menyedihkan perasaan beliau.

Sukacitalah saya maklumkan di sini bahawa keadaan sebenarnya tidaklah sebegitu rupa. Tidak kesemua

Pertubuhan Belia di negara kita dilanda oleh krisis, cuma Belia 4B sahaja sebagaimana Yang Berhormat sebut sebagai contoh, yang lain-lainnya berjalan dengan baik dan lancar serta teratur. Tetapi oleh kerana Belia 4B ini merupakan salah satu Pertubuhan yang besar, yang mempunyai ahli yang ramai serta cawangan yang banyak di seluruh negara. Maka apabila sebarang krisis berlaku, maka akan jelas kelihatan, tetapi ini tidak semestinya menggambarkan keadaan belia pada keseluruhannya. Walau macamanapun, Kementerian saya menganggap bahawa krisis dalam Belia 4B ini telahpun selesai. Kita telahpun mengiktirafkan Belia 4B di bawah pimpinan Yang Berhormat Dato' Mohd. Tajol Rosli....

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, Kok Lanas bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Ismail bin Said: Sila.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya hendak minta penjelasan sedikit, Tuan Pengerusi, berhubung dengan kenyataan yang dibuat oleh Setiausaha Parlimen tadi bahawa pihak Kerajaan mengiktiraf Belia 4B di bawah pimpinan Dato' Mohd. Tajol Rosli, saya difahamkan.

Soalan saya bagaimana pihak Kementerian boleh mengambil pengitirafan sedangkan ada dua mesyuarat, kedua-duanya sah pada pandangan saya dan kata muktamad hanya boleh ditentukan oleh mahkamah, bukan oleh pihak Kementerian. Bagaimana Kementerian mengambil sikap mengiktiraf satu mesyuarat, sedangkan tidak mengiktiraf mesyuarat yang lain? Apa panduan yang dibuat oleh pihak Kementerian, sedangkan perkara ini bukan pihak Kementerian yang perlu menentukan, tetapi mahkamah yang

perlu menentukan, dan mesyuarat yang dibuat terdahulu daripada itu dianggap sah sehingga diisytiharkan tidak sah oleh mahkamah, bagaimana mesyuarat yang kemudian dianggap sah, sedangkan mesyuarat yang terdahulu dianggap tidak sah? Saya minta penjelasan.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, mengikut laporan yang Kementerian terima, mesyuarat yang pertama itu diadakan dengan cara yang agak tidak siuman sedikit, kerana masa yang ditentukan tidak dipatuhi, katanya banyak perwakilan yang sah tidak dapat masuk dikunci dari dalam. Jadi kami anggap bahawa ini satu perkara yang tidak sepatutnya berlaku, tetapi walau macamana pun dari segi Kementerian, saya tidak kata dari segi Pendaftaran Pertubuhan - dari segi Kementerian, bertujuan untuk memberi kerjasama dan bantuan. Dalam perkara ini.....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Pasir Mas bangun pula, hendak beri jalan kepada Pasir Mas?

Dato' Ismail bin Said: Nanti dahulu, Tuan Pengerusi, saya belum habis lagi.

Tuan Pengerusi: Belum lagi. Jawab, katakan belum habis lagi.

Dato' Ismail bin Said: Saya belum habis lagi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Ismail bin Said: Dari segi Kementerian kita mengiktirafkan, kita menganggap bahawa kepimpinan Belia 4B di bawah pimpinan Dato' Mohd. Tajol Rosli sebagai Presidennya, dan juga Yang Berhormat Dato' Abdul Raman Sulaiman sebagai Setiausaha Agungnya kita iktiraf. Dan kita akan memberi kerjasama kepada kedua kepimpinan ini dan menyokong Pertubuhan ini bertujuan supaya dapat

mereka membimbing dan juga memimpin Persatuan Belia 4B selanjutnya. Dan sebagai tanda pengiktirafan Kementerian Belia dan Sukan kepada kepimpinan mereka ini, kita telahpun bersetuju untuk meluluskan bantuan pendahuluan sebanyak \$30,000.....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, Pasir Mas bangun, nanti seorang-seorang.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan, ini berkaitan dengan Belia 4B juga.

Sekarang ini takrif belia yang kita gunakan umur 40 ke bawah, tetapi Belia 4B ini pindaan perlembadaan dibuat sehinggakan sekarang ini siapa yang hendak jadi Presiden Belia 4B tidak kira umur, kerana Presiden yang ada sekarang, Presiden yang satu lagi yang tidak diiktiraf ini hendak jadi Presiden, jadi dipinda 3-4 kali, tidak mahu beri peluang kepada orang lain menerajui kepimpinan Belia 4B, suruh orang lain letak jawatan, tetapi dia tidak mahu letak jawatan.

Jadi, sudah pinda beberapa kali. Jadi, saya hendak tanya, apakah Kementerian bercadang untuk menyelaraskan kembali perkara dasar dari segi kedudukan jawatan penting dalam pertubuhan belia sehingga terpaksa meminda Akta Pertubuhan ataupun akta Belia supaya menghadkan pemimpin belia ini dipegang oleh pemimpin, umurnya sekian, tidak seperti apa yang dibuat oleh 4B sampai mahkamah pinda umur. Akhir sekali jadi Belia 4B tua. Maknanya kerana tidak mahu meletak jawatan. Dan saya kira ini memang isu dalam 4B ini, Tuan Pengerusi setuju ataupun tidak ialah politik kerana satu

lagi ini dipegang oleh Setiausaha Agung 46 yang saya kira dari segi Belia 4B saya tidak hendak campurhlah soal urusan parti dengan belia, tetapi memang tidak dapat dinafikan kemungkinan ada kaitan. Adakah Yang Berhormat bersetuju? Saya minta penjelasan apa yang saya bangkitkan tadi.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, inilah masalah yang sebenar apabila masalah kepimpinan 4B hendak jadi sebagai harta pusaka. Untuk makluman Yang Berhormat....

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: *(Bangun)*

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: *(Bangun)*

Dato' Ismail bin Said: Saya belum habiskan lagi beri penjelasan.

Tuan Pengerusi: Sekejap, sekejap, nanti sekejap.

Dato' Ismail bin Said: Mengikut Dasar Belia Negara, takrif belia ialah golongan mereka yang berumur di antara 15 - 40. Tetapi krisis 4B sebelum ini telahpun membabitkan Kementerian mengenai umur ini dan mereka menang. Sebab itulah perkara ini berlarutan sehingga kita anggap selesai baru-baru ini di Perlis dan mungkin apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah dipolitikkan ada unsur-unsur kebenarannya.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: *(Bangun)*

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: *(Bangun)*

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada tiga, ya.

Dato' Ismail bin Said: Saya tidak beri peluang kepada.....

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalankah atau tidak?

Dato' Ismail bin Said: Saya hendak beri jalan kepada Presiden 4B yang saya iktiraf.

Tuan Pengerusi: Ya, baik.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Pengerusi, sebenarnya bila saya bertanding Presiden 4B, saya bukan hendakkan jawatan. Ini penjelasan yang saya minta daripada Setiausaha Parlimen. Saya tidak berhasrat hendak menjadi Presiden, tetapi hanya untuk mengembalikan demokrasi kepada 4B. *(Tepuk)* Kalau dikatakan politik kerana Dato Haji Suhaimi, Setiausaha Agung 46, kalau Datuk Haji Suhaimi jadi Ahli UMNO pun, kita tidak akan terima beliau sebagai Presiden 4B. Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan.....

Tuan Pengerusi: Soalankah, penjelasan?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Saya minta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen sama ada beliau sedar bahawa hari ini Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Negeri Sembilan dan Melaka tidak mahu menerima kepimpinan Dato' Haji Suhaimi sebagai Presiden, tetapi mana yang tidak setuju dengan beliau dibatalkan, dilantik orang yang sesuai dengan beliau. Dahulu Pengerusi 4B Pulau Pinang Saudara Bakar Mat menyokong beliau, kemudian tidak menyokong, tidak mahu menjadi Ahli 46, jadi Ahli Gerakan, berhenti dari UMNO, dipecat dan dilantik orang lain. Begitu juga Johor, Pengerusi Johor.....

Tuan Pengerusi: Penjelasannya tentang mana letak jawatan.....

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada beliau sedar bahawa kita bertanding bukan kerana hendak jadi Presiden. Saya sanggup menarik diri hari ini juga sebagai Presiden 4B asalkan Dato Haji Suhaimi tidak jadi Presiden. Jadi, kita bertanding kerana hendak mengembalikan demokrasi kepada 4B.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, saya amat sedar. Sebab itulah kita iktiraf kepimpinan Dato' Mohd. Tajol Rosli, sebab dia mengamalkan demokrasi dalam belia.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Tadi kata satu sahaja.

Dato' Ismail bin Said: Minta Batu Berendam sahaja, boleh.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Mohd. Tajol Rosli, Presiden 4B yang baru terutama sekali baru sahaja diiktiraf oleh Kementerian Belia dan Sukan. Persoalan saya, apa kata jika sekiranya mahkamah membuat keputusan yang sebaliknya, iaitu mengiktiraf mesyuarat agung yang dijalankan oleh Dato Haji Suhaimi ataupun terdahulu daripada mesyuarat agung yang diadakan. Apakah stand Kementerian Belia dan Sukan dalam hal ini? Adakah dia hendak terus mengiktiraf Dato Mohd. Tajol Rosli ataupun mengiktiraf keputusan yang dibuat oleh kepimpinan 4B yang disahkan oleh mahkamah, misal kata. Saya minta penjelasan.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, perkara itu tidak berlaku lagi. Jadi, saya tidak boleh beri jawapan. Itu andaian.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Ismail bin Said: Hypothesis.

Tuan Pengerusi: Kalau sampai kepada titi, barulah kita menyeberang. (*Ketawa*)

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Kok Lanas pula tanya, berilah pada dia.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, saya tidak hendak bercakap dengan orang yang tidak percaya kepada demokrasi dalam belia. Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan.

Dato' Ismail bin Said: Cadangan Yang Berhormat dari Parit Sulong supaya pihak Kementerian memikirkan kemungkinan mewujudkan satu sahaja pertubuhan belia di negara kita ini adalah difikirkan tidak perlu kerana yang ada sekarang ini adalah cukup baik. Tambahan pula, ianya difikirkan agak sukar untuk dilaksanakan kerana mungkin kita akan menyekat kebebasan atau persatuan negara kita ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa pertubuhan belia di negara kita terdiri dari 5 jenis kesemuanya.

- (i) jenis sosial seperti MAYC, 4B, GBB dan sebagainya.
- (ii) berbentuk keagamaan: ABIM, Buddhist Youth ataupun Christian Youth;
- (iii) badan-badan beruniform seperti Pengakap, Girl Guide dan sebagainya.
- (iv) Persatuan Belia yang bercorak pelajar, Persatuan Mahasiswa-mahasiswa dan sebagainya;
- (v) bercorak rekreasi.

Jadi, kesemua ini mempunyai keahlian, matlamat objektif serta program yang berlainan.

Walau macamana pun, mereka ini diselaras di bawah satu badan induk. Di peringkat Nasional adalah Majlis Belia Malaysia. Di peringkat Negeri kita ada Majlis Belia Negeri. Demikian juga di peringkat-peringkat Daerah adalah Majlis Belia Daerah.

Mengenai masalah perjawatan, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Paris Sulong di bawah Kementerian saya, sebagaimana saya akui awal-awal tadi memang benar berlaku di Kementerian saya tentang kekurangan kakitangan dan tindakan telahpun diambil, kita menunggu response daripada pihak JPA. Jika sampai masa dan ketikanya akan kita beri pertimbangan yang sewajarnya terhadap cadangan Yang Berhormat untuk mewujudkan Jabatan Pembangunan Belia di peringkat mukim dan juga kampung. Walau bagaimanapun, buat sementara waktu ini memadamilah dengan pasukan Belia Pelopor dan Belia Pelapis Negara.

Yang akhir sekali Yang Berhormat dari Parit Sulong membangkitkan masalah IKBM. Demikian juga Yang Berhormat dari Pasir Mas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, penukaran nama Pusat Latihan Belia kepada IKBM ini adalah selaras dengan hasrat kita untuk mempertingkatkan lagi jenis kursus yang akan kita jalankan sesuai dengan perubahan teknologi pada hari ini yang agak lebih canggih dan juga sesuai dengan hasrat kita untuk menambahkan lagi jumlah pelatih yang akan kita ambil tiap-tiap kali pengambilan. Demikian juga sesuai dengan perancangan kita untuk menyusun semula kurikulum, kursus latihan. Sebab itulah kita ubah nama supaya kedengaran canggih sedikit.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong, memang benar bahawa pihak Kementerian bercadang menswastakan IKBM dan pada masa yang sama sekiranya kewangan mengizinkan akan kita bina di mana-mana negeri yang belum ada lagi IKBM. Di sini sukacita saya maklumkan bahawa pihak Kementerian atas permintaan agensi pusat sedang menyediakan satu kertas cadangan untuk menswastakan IKBM di Sepang dahulu iaitu Institut Kemahiran Tertinggi, Sepang dan apabila siap kertas ini kelak kita akan serah kepada agensi pusat untuk dipertimbangkan selanjutnya.

Perkara ini belum selesai lagi. Cara-cara penswastakan belum juga diputuskan lagi sama ada dengan cara in toto ataupun lock, stock and barrel ataupun diperbadankan dahulu kesemua IKBN yang ada sekarang belum juga diputuskan.

Walaupun bagaimanapun, kebimbangan Yang Berhormat dari Pasir Mas dan juga Parit Sulong, kita akan ambil perhatian. Tetapi sukacita saya maklumkan sebelum ianya kita swastakan dan proses untuk menswastakan ini makan masa yang panjang kerana ia terpaksa mengikut proses dan juga garis panduan yang ditentukan oleh pihak agensi Pusat. Jadi, sehingga segala-galanya selesai, ini tidak bermakna Kementerian akan memberhentikan Program Latihan Kemahiran kepada belia-belia. Ianya terpaksa diteruskan juga sama ada dengan yang ada sekarang ataupun membina IKBN baru kerana keperluan kepada latihan kemahiran adalah bertambah dari masa ke semasa, kapasiti perlu dipertingkatkan lagi, alat-alat perlu diganti baru dan ditambah. Untuk menampung keperluan latihan di tiap-tiap negeri maka mungkin IKBN baru terpaksa kita rancang dan membinanya apabila peruntukan baginya disediakan oleh Kerajaan kelak.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Pasir Mas kerana keprihatinan beliau kepada prestasi Kontingen Pasukan Malaysia kita di Sukan SEA di Manila sekarang ini yang memanglah tidak memuaskan. Yang Berhormat Menteri kita juga tidak berpuas hati dengan prestasi. Yang Berhormat minta kita buat kajian mengenainya. Insya Allah, apabila kontingen kita balik selesai daripada Sukan SEA kelak, kita akan buat kajian dan kalau hendak tubuh Jawatankuasa Kabinet mengenai prestasi, saya rasa tidak perlu. Memadailah di peringkat Kementerian buat kajian.....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Ya, Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, saya tidak tahulah perlu atau tidak. Cuma cadangan saya apakah boleh pihak Setiausaha Parlimen bawa perkara ini balik supaya dipertimbangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi, soal perlu atau tidak terpulung kepada Kabinet untuk menentukan. Jadi, yang penting saya kira melihat kepada prestasi sekarang perlu pada Jawatankuasa Kabinet.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, kalau difikirkan hanya kerana Yang Berhormat dari Pasir Mas, saya akan sampaikan permintaan Yang Berhormat ini kepada Menteri dan saya akan minta Yang Berhormat Menteri timbang untuk membawa perkara ini kepada Kabinet.

Mengenai persiapan kita untuk sukan-sukan yang akan datang seperti Sukan Komanwel pada tahun 1998 kelak, apakah matlamatnya, saya rasa apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi adalah merupakan kesemua matlamatnya, iaitu untuk memajukan

sukan, untuk memperkenalkan negara kita di kacamata dunia dan juga pada masa yang sama ada unsur-unsur ekonomi dengan mendapat pertukaran wang asing dan sebagainya. Kesemua sekali kita jadikan matlamat melalui sukan dan insya Allah kita yakin bahawa dengan persiapan-persiapan yang kita buat sekarang ini kita mampu untuk menganjurkan satu sukan yang kedua besarnya di dunia next to Olympics, dengan izin. Untuk makluman Yang Berhormat, negara kita Malaysia telahpun dipilih pada tahun 1993 kelak sebagai venue untuk World Corporate Game.

Jadi, Tuan Pengerusi, itulah sahaja penjelasan yang dapat saya beri mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh kedua-dua Yang Berhormat iaitu dari Pasir Mas dan juga dari Parit Sulong. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$48,226,900 untuk Maksud B.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$48,226,900 untuk Maksud B.17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$60,836,050 yang disebutkan untuk Maksud P.17 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1992 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak \$60,836,050 untuk Maksud P.17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1992.

*Maksud B.18 (Jadual)—
Maksud P.18 (Anggaran Pemba-
ngunan, 1992)—*

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.18 dan P.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama terbuka untuk dibahas. Ya, Ipoh.

4.26 ptg.

Tuan Lau Dak Kee (Ipoh): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan bagi Kementerian Perusahaan Utama dalam Maksud Bekalan B.18, Butiran 010100 - Kemajuan Industri Komoditi dan Khidmat Sokongan dan juga bagi Butiran 030000 - Galian.

Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan dengan sekali gus atas butiran-butiran yang telah disebutkan oleh saya. Tuan Pengerusi, berkenaan dengan industri timah, Malaysia adalah negara yang mengeluarkan timah yang paling banyak di dunia 10 tahun yang lalu, tetapi sejak tahun 1987 Malaysia mundur ke tempat ketiga jika berbanding dengan negara Brazil dan Indonesia.

Mengikut satu statistik daripada World Bureau of Metals, dengan izin, menunjukkan bahawa keluaran timah bagi negara Brazil pada tahun 1988 adalah 42,800 metrik tan; pada 1989 adalah 50,200 metrik tan dan pada 1990 adalah 39,600 metrik tan. Bagi Indonesia, keluaran timah bagi tahun 1988 ialah 29,600 metrik tan; bagi tahun 1989 adalah 31,300 metrik tan dan pada 1990 adalah 30,500 metrik tan.

Bagi negara kita Malaysia, pengeluaran timah pada 1988 hanya 28,866 metrik tan dan pada 1989 meningkat sedikit hingga 32,034 metrik tan tetapi pada tahun 1990 turun pula sampai paras 28,500 metrik tan. Ini menggambarkan industri timah di Malaysia semakin lama semakin turun dan kurang. Mungkin dalam jangka 5

tahun atau 10 tahun, Malaysia akan berhenti semua industri perlombongan kerana tidak sempat mempertahankan harga timah di pasaran dunia. Industri timah tidak akan memberi apa-apa manfaat kepada pembangunan kemajuan ekonomi negara.

Tuan Pengerusi, walaupun timah di pasaran dunia semakin merosot sejak 1986, mengapa Malaysia masih mengimport begitu banyak timah in concentrate, dengan izin, daripada negara-negara asing? Mengikut satu statistik yang dikeluarkan oleh Statistics Department Malaysia iaitu mempamerkan bahawa keluaran Malaysia sendiri pada tahun 1986 adalah 29,134 metrik tan tetapi import ialah 12,971 metrik tan menjadi 44.52% jika dibanding dengan kuantiti keluaran kita sendiri. Pada tahun 1987, keluaran sendiri adalah 30,388 metrik tan. Import meningkat sehingga 17,756 metrik tan ataupun 58.43% berbanding dengan keluaran sendiri. Pada tahun 1988, import bagi timah in concentrate meningkat lagi ke paras 82.49% ataupun 22,164 metrik tan. Seterusnya bagi tahun 1989 dan 1990, import adalah 74.47% ataupun 23,857 metrik tan dan 76.33% ataupun 21,732 metrik tan masing-masingnya.

Kerajaan perlu memberi satu alasan yang munasabah mengapa Malaysia perlu mengimport begitu banyak timah in concentrate pada tahun yang tersebut memandangkan harga timah pada tahun 1986 jatuh sehingga \$15.39 sekilo berbanding dengan \$29.67 sekilo pada tahun 1985? Pada tahun-tahun berikutnya harga timah di Kuala Lumpur Tin Market, dengan izin, meningkat sedikit demi sedikit daripada \$16.8 sekilo pada tahun 1987, \$18.49 sekilo pada 1988, naik ke \$23.05 sekilo pada tahun 1989 dan jatuh teruk pada tahun 1990 hingga \$16.45 sekilo.

Bagi tahun 1991 harga timah terus jatuh lagi daripada \$15.03 sekilo bagi bulan Januari. Pada hujung September,

1991 harga timah merosot di bawah paras \$15 sekilo hingga \$14.87 sekilo. Pada hujung Oktober tahun ini harga timah di Kuala Lumpur Tin Market (KLTM) merosot lagi sampai \$14.83 sekilo. Nampaknya stok timah dunia bagi DLA masih berada di paras 167,000 metrik tan pada penghujung tahun 1991. London Metal Exchange Warehouse (LME), stok meningkat sehingga 20,755 metrik tan pada hujung tahun 1990. Ini meramalkan bahawa harga timah tidak mungkin naik pada tahun hadapan. Oleh yang demikian adakah waras bagi Malaysia mengimport begitu banyak timah daripada negara-negara yang lain? Adakah dasar untuk mengimport timah dari negeri-negeri pengeluar yang telah menjadikan satu dasar Kerajaan untuk mempertahankan kedudukan tempat yang utama di pasaran dunia serta menjaga dan melanjutkan imej Malaysia di pasaran dunia walaupun harga timah yang terdapat pada tempoh tersebut akan merugikan kita seperti kerugian yang teruk di pasaran London pada masa yang lalu? Saya ingin tahu timah in concentrate itu diimport daripada negara mana, jumlah keuntungan atau kerugian didapati atas pengimportan timah tersebut.

Tuan Pengerusi, Malaysia telah menyertai Supply Rationalisation Scheme (SRS) atas usahasama untuk menstabilkan harga timah di pasaran dunia. Yang Berhormat Menteri sendiri dikatakan ghairah untuk menumpukan masa dan usaha untuk menjayakan skim itu. Atas kebijaksanaan dan hubungan rapat dengan negara-negara yang mengeluarkan bijih timah itu beliau telah membelanjakan begitu banyak masa dan tenaga serta wang rakyat untuk melawat serta melancong ke negara-negara seperti China, Brazil, Chile, Venezuela dan lain-lain tetapi sehingga hari ini kita belum diberitahu apakah hasil daripada usaha tersebut. Adakah semua ahli daripada Association of Tin Producing Countries (ATPC) benar-benar mematuhi SRS itu ataupun sebaliknya apa yang kita ketahui ialah SRS keempat telah gagal pada tahun 1990. SRS yang

kelima akan tamat pada 31 Disember tahun ini. Hasil SRS kelima patut diberitahu oleh Menteri sendiri kepada Dewan yang mulia ini supaya semua Ahli Parlimen dapat berbincang dan memberi pandangan serta menasihatkan kepada Kerajaan sama ada kita perlu atau tidak melipatgandakan kita untuk menyertai SRS yang keenam itu.

Tuan Pengerusi, untuk meningkatkan daya persaingan timah di pasaran dunia, Malaysia perlu mengubahsuaikan gred timah daripada purity, dengan izin, 99.85% ke 3N iaitu ke 99.9% ataupun terus hingga ke 4N iaitu 99.99%. Sebab keperluan high-grade timah mungkin adalah salah satu pilihan sahaja bagi industri timah di Malaysia. Jikalau kita masih begitu conservative, hanya menumpu kepada gred yang lama, iaitu puritinya 99.85% kita akan hilang bukan sahaja traditional market tetapi mungkin hilang sama sekali di pasaran timah dunia. Sampailah masanya Kerajaan perlu mengambil langkah yang positif untuk menghidupkan semula industri timah di Malaysia memandangkan industri timah telah menyumbangkan begitu banyak untuk pembangunan dan kemajuan negara kita, maka saya mengesyorkan:

- (i) menurunkan kadar bekalan elektrik dan mengecualikan cukai eksais bagi jentera-jentera dan alat-alat ganti bagi semua jenis industri perlombongan timah supaya mereka dapat mengurangkan kos operasi serta meningkatkan daya persaingan dengan negara-negara yang lain;
- (ii) menubuhkan satu tabung dengan kadar faedah yang minima seperti 2% hingga 4% untuk menolong pelombong-pelombong yang memerlukannya bukan tabung yang sedia ada sekarang itu dengan kadar faedah yang tinggi dan syarat yang ketat;

- (iii) menambahkan sekurang-kurangnya \$10 juta setiap tahun untuk perbelanjaan bagi Lembaga Penyelidik dan Kemajuan Timah (Tin Industry Research and Development Board) untuk meningkatkan research dan kajian mereka untuk memperluaskan bidang kegunaan timah;
- (iv) menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk mengkaji serta meningkatkan mutu keluaran timah khususnya bagi 3N dan 4N;
- (v) memberikan insentif yang lebih menggalakkan daripada sekarang kepada industri yang menggunakan timah supaya industri timah dan industri sampingan akan meningkat ke bidang yang lebih luas;

Saya berharap Menteri Perusahaan Utama mengubah sikapnya atas mencari pasaran yang baru. Janganlah hari ini menyalahkan negara ini dan hari esok membidas negara yang lain kerana harga timah merosot. Bolehkah beliau make more friends and less enemies, dengan izin, supaya Brazil dan China dapat menyertai ATPC supaya dapat menstabil serta mendapatkan harga yang berpatutan. Kita perlu mempengaruhi Amerika Syarikat supaya mereka dapat bekerjasama untuk kepentingan dan kebaikan bagi semua pihak di bidang pasaran dunia.

Tuan Pengerusi, bagi komoditi Malaysia seperti getah asli, kelapa sawit, kayu balak dan timah sedang menghadapi harga yang paling rendah sekali jika dibandingkan dengan keadaan ekonomi dunia semakin pulih, serta keperluan dan kegunaan komoditi tersebut semakin luas dan bertambah. Mengapa komoditi Malaysia tidak dapat dijual dengan harga yang berpatutan? Mengapa negara-negara pengguna bersikap negatif untuk membeli komoditi kita? Mengapa mereka sentiasa

mengambil kesempatan untuk menindas negara-negara yang mengeluarkan komoditi tersebut? Bagi komoditi seperti timah Menteri Perusahaan Utama mengatakan harga timah dijual di bawah kos kerana Amerika Syarikat menyimpan banyak stok, apabila harga naik sedikit, mereka keluarkan stok itu untuk dijual di pasaran dunia untuk mendapatkan keuntungan serta mengancam harga timah di dunia.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada satu minit lagi.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi, saya minta lebih dua tiga minit lagi?

Tuan Pengerusi: Ada satu minit lagi, Yang Berhormat.

Tuan Lau Dak Kee: Apabila harga turun mereka membeli lebih banyak untuk menambahkan stok mereka.

Tuan Pengerusi, bagi komoditi getah, Menteri membidas Amerika Syarikat sengaja menangguhkan rundingan semula mengenai Perjanjian Getah Asli Antarabangsa Kedua iaitu INRA II yang menghalang kenaikan harga getah asli.

Pada hari yang sama, Menteri kita menghentam 5 pengeluar tayar getah terbesar di dunia yang telah bertindak untuk menggagalkan kenaikan harga getah di negara ini. Mana satukah yang benar - Amerika Syarikatkah atau syarikat-syarikat pengeluar tayar yang menjejaskan harga getah kita?

Satu kenyataan oleh Menteri sendiri yang mengatakan "keluaran getah asli di Malaysia adalah 1.5 juta tan setahun. Kegunaan domestik hanya 12% sahaja manakala bakinya 1.32 metrik tan atau 88% untuk dijual di pasaran dunia".

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat cukup sudah masa. Cukuplah.

Tuan Lau Dak Kee: Terima kasihlah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Padang Terap.

4.42 ptg.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk ke mukasurat 73 di bawah Maksud B.18, Butiran 060000 - Lembaga Perusahaan Nenas Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya satu soalan yang menyeluruh kepada pihak Kementerian. Apakah pendirian ataupun apakah dasar Kerajaan mengenai dengan pengeluaran nenas yang sekarang ini diletak di bawah Lembaga Perusahaan Nenas Malaysia? Jikalau dipandangkan kepada peruntukan, keseluruhan Lembaga Perusahaan Nenas Malaysia ialah hanya \$2.291 juta. Ini menunjukkan bahawa satu pelaburan yang agak sedikit jikalau dibandingkan dengan pelaburan-pelaburan ke atas komoditi-komoditi lain melalui agensi-agensi yang ditunjuk oleh Kerajaan.

Tuan Pengerusi sedia maklum bahawa nenas di samping mempunyai potensi yang besar di dalam pasaran dunia telahpun menunjukkan bukti ataupun telah menunjukkan prestasinya di dalam menyumbang kepada ekonomi negara berpuluh-puluh tahun yang lalu. Malah pada masa itu nenas Malaysia merupakan satu pengeluaran nenas yang sangat-sangat dipinta oleh pasaran dunia. Cuma nenas keluaran Malaysia jatuh di pasaran dunia apabila pihak Amerika melalui sistem atau mekanisma monopoli dan monopsonyonya menjolok atau menolak ke hadapan nenas-nenas daripada Hawaii yang akhirnya menjatuhkan atau menyingkirkan nenas kita dari pasaran dunia.

Tetapi, Tuan Pengerusi, pada masa ini pasaran-pasaran lain selain daripada pasaran yang dikawal oleh Amerika Syarikat telahpun membesar. Misalannya pasaran di Jepun, di China, di wilayah-wilayah dunia ketiga yang sekarang mempunyai purchasing power,

dengan izin, yang tinggi; saya fikir Kerajaan harus menyemak semula dasar ke atas pengeluaran nenas Malaysia ini. Saya menyeru ke arah ini kerana fakta-fakta yang akan membolehkan comparative advantage....

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Bharu bangun. Hendak beri jalan?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Sila.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Tuan Pengerusi, tidak ada kuorum.

Tuan Pengerusi: Ya?

Puan Hajah Ilani bin Dato Haji Isahak: Tidak cukup kuorum.

Tuan Pengerusi: Cuba bilang. 22 tidak cukup kuorum. Tolong bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli yang hadir)

Tuan Pengerusi: Kuorum sudah ada. Sila teruskan, Padang Terap.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya bangkitkan soal ini disebabkan faktor-faktor yang saya sebut awal tadi, kerana saya pasti bahawa kebolehan negara untuk mempunyai comparative advantage yang tinggi di dalam pemasaran nenas di pasaran dunia adalah tinggi. Dengan adanya pasaran-pasaran yang baru, saya fikir Kerajaan patut menambahkan lagi peruntukan melebihi \$2.291 juta. Tuan Pengerusi, faktor-faktor yang akan membolehkan comparative advantage negara tinggi ialah di dalam faktor pengeluarannya (production).

Misalannya, di negara kita, kita mempunyai tanah-tanah gambut iaitu tanah yang cukup sesuai untuk penanaman nenas yang banyak dan yang tidak sesuai dengan tanaman-tanaman lain. Misalannya di Sarawak ada 50,000 ekar tanah gambut dan di Terengganu 11,000 ekar tanah gambut. Sekarang nenas hanya ditumpukan di tanah-tanah gambut di pantai barat Johor sahaja. Jadi, saya menyerulah supaya pendirian kita disemak semula memandangkan bahawa permintaan pada masa ini di dalam pasaran dunia terhadap nenas adalah lebih tinggi daripada bekalan.

Di dalam penyemakan semula ini, Tuan Pengerusi, sepatutnya diubah balik fungsi penyelidikan dan pembangunan (research and development) yang dulunya ditarik daripada Lembaga Perusahaan Nenas Malaysia diberi kepada pihak MARDI. Saya bukan hendak menyatakan bahawa MARDI tidak mempunyai kebolehan menyiasat mengenai nenas tetapi mungkin apabila dikembangkan semula kegiatan negara di dalam perusahaan nenas, mungkin Lembaga Perusahaan Nenas Malaysia adalah yang sepatutnya diberi keutamaan untuk mengendalikan research and development di dalam bidang nenas sepertimana yang dibuatnya dulu.

Di dalam hal dan Butiran yang sama, Tuan Pengerusi, saya ingin juga meminta penjelasan daripada pihak Kementerian mengenai PCM atau Pineapple Cannery Malaysia yang telah diswastakan melalui management buy-out tidak beberapa lama yang lalu, yang mana kita tahu bahawa PCM capacitynya adalah 40% iaitu ianya bergantung kepada 2,000 ekar tanah estet nenasnya. Bekalan-bekalan nenas untuk ditinkan akan didapati daripada pekebun-pekebun kecil. Saya ingin tahu apakah di dalam syarat management buy-out ini dikenakan ataupun disyaratkan, diwajibkan atau dimandatorikan kepada syarikat ini untuk membeli buah-buah nenas daripada pekebun-pekebun kecil

di kawasan yang terlibat. Saya minta penjelasan di dalam hal ini, Tuan Pengerusi.

Saya juga menyeru supaya kawasan di Sarawak dan di Terengganu ini dibangunkan untuk pengeluaran nenas secara besar-besaran.

Perkara yang kedua ialah di bawah B.18 juga, di mukasurat 71, iaitu di dalam Butiran 020000 dan Program Pengurusan Sumber Hutan.

Saya ingin bertanya lagi sekali di atas apa yang saya bangkitkan di dalam perbincangan Budget tahun sudah iaitu mengenai dengan kawalan pembalakan secara haram. Tahun sudah saya dan banyak Ahli-ahli Parlimen yang lain telah memohon supaya di bawah Pengurusan Sumber Hutan ini, yang pada tahun ini diperuntukkan sebanyak \$3.4 juta, dibekalkan dengan alat-alat, landrover-landrover yang kuat, malah dibekalkan dengan helikopter ataupun kapalterbang kecil untuk mengawasi usaha-usaha pembalakan secara haram. Ini kerana pembaikan secara haram inilah yang mencemarkan nama negara dan mencemarkan segala alam sekitar kita, seperti yang dibangkitkan tadi oleh ramai Ahli-ahli mengenai dengan banjir. Saya tidak tahu sebanyak mana, tetapi saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri di sini, setakat ini sebanyak manakah, berapa percentage pointkah, hutan-hutan kita daripada keseluruhan hutan yang dibalak secara haram.

Macam di catchment area Gunung Jerai dahulu, pembalakan secara haram berlaku bertahun-tahun tidak dapat dikesan, hanya apabila berlaku suatu banjir yang besar, apabila balak-balak di bawa oleh air turun dari Gunung Jerai, baharulah Jabatan Hutan mengetahui bahawa ada pembalakan secara haram. Jadi, inilah sebenarnya, saya fikir perkara yang mencemarkan pengurusan hutan kita. Saya pasti bahawa pengurusan perhutanan di negara kita adalah di dalam tangan yang cekap, di

dalam tangan-tangan yang profesional, yang dilatih di luar negeri, tetapi oleh sebab enforcement ataupun penguatkuasaan di dalam pembalakan, maka kerja-kerja yang baik dan cekap ini telah dicemar oleh kelemahan di dalam enforcement Jabatan Hutan. Saya harap perkara ini dapat dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana ianya telah dibangkitkan pada tahun sudah lagi dan kita harap pada tahun ini mendapat jawapan yang amat berkesan sekali untuk kita membaiki nama kita di dalam pengurusan perhutanan di negara ini.

Sehubungan dengan itu, Tuan Pengerusi, di bawah P.18, mukasurat 75, Butiran 03800 Ladang Hutan, banyak telah diperkatakan mengenai Ladang Hutan ini.

Semenjak Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, tahun 80 an dahulu, beliau telah menggerakkan satu usaha untuk menjadikan minor forest product kepada major forest product, dengan izin. Minor forest product ini seperti rotan, seperti bahan-bahan hutan yang lain, yang kecil-kecil selain daripada kayu balak. Daripada usaha dan inisiatif beliau ini, Jabatan Hutan dan FRIM telah menjalankan usaha untuk menanam rotan-rotan manau, rotan-rotan sega, rotan masam dan lain-lain lagi.

Saya ingin bertanya sejauh manakah prestasi ataupun pencapaian di dalam bidang ini. Pada tahun ini pinjaman diberi sebanyak \$88 juta dan tahun sudahpun kita tengok grant dan pinjaman diberi banyak itu juga. Saya ingin tahu time frame ataupun jangka masa yang mana usaha ini akan menyumbangkan kepada pendapatan negara dan pendapatan rakyat yang terlibat di dalam usaha-usaha ini. Semoga, kalau tidak tercapai pada masa sekarang pun, saya ingin tahu bilakah akan tercapai, banyak manakah acreagenya yang telah ditanam di dalam hutan-hutan - di dalam secondary forestkah, di kawasan-

kawasan FELDAkah dan banyak manakah pengeluaran yang telah dicapai dan pengeluaran yang akan dicapai?

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya ingin juga bercakap mengenai dengan Industri Komoditi dan Khidmat Sokongan, di mukasurat 71, di bawah B.18 - iaitu di sini Kemajuan Industri Komoditi dan Khidmat Sokongan yang telah diberi peruntukan yang banyak - \$17.5 juta.

Saya banyak kali di dalam Dewan ini membangkitkan soal-soal pemasaran bahan-bahan komoditi kita, khususnya perkayuan dan juga minyak kelapa sawit dan juga Yang Berhormat Menteri dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri banyak membuat rombongan ke luar negeri untuk membuat promosi-promosi terhadap barang-barang ini dan saya dapat tahu bahawa satu daripada strategi ataupun satu daripada pendekatan yang dibuat oleh Kementerian ialah dengan mewujudkan depoh-depoh kelapa sawit melalui Khidmat Sokongan kepada syarikat-syarikat yang berkenaan dan saya dapat tahu bahawa di Mesir, depoh kelapa sawit kita yang diusaha-sama dengan pelabur-pelabur Kuwait telah menunjukkan tahap keuntungan pada kadar 100%. Ini selain daripada keuntungan yang tinggi, ianya juga membuka banyak lagi saluran-saluran pasaran di dalam pasaran dunia.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu apakah pendekatan ini hanya setakat dibuat di Mesir (Egypt). Adakah ianya akan diteruskan, dibuat di pasaran-pasaran yang besar seperti India dan Pakistan, Bangladesh ataupun di Sub-continent India dan juga di China. Di dalam jawapan Yang Berhormat Menteri dahulu, di dalam sesi soal jawab, Yang Berhormat Menteri itu menyebutkan ada masalah-masalah institutional bagi kita untuk menjalankan usaha ini di kawasan-kawasan Iran dan lain-lain kawasan Midle East dan juga di kawasan-kawasan republiik-republik Islam di Soviet Union. Saya memahami kaedah itu, tetapi

apakah masalah-masalah yang sama wujud di Benua China, di Sub-continent Benua kecil India dan juga kemungkinan di kawasan-kawasan pasaran yang baru yang diterokai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, iaitu di Amerika Selatan?

Dengan itu, Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat, cukuplah. Masa untuk Yang Berhormat sudah cukup.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Sudah habis dah! Elok-elok sahaja, habis.

Tuan Pengerusi: Ya, elok-elok sahaja. Tumpat. Selepas daripada Batang Lupar, Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

4.58 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kepala B.18 Kementerian Perusahaan Utama, mukasurat 71, Butiran 020000 Perhutanan dan sekaligus dengan program 0200120 Dasar Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Hutan, Program 020200.

Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap mengenai masalah perhutanan di negara kita dan pengurusannya. Selain daripada itu sukalah saya menambah sebagai soalan tambahan daripada apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap iaitu saya rasa semenjak negara kita merdeka sampailah sekarang ini, apakah pihak Kementerian sudah membuat satu banciaan mengenai berapa banyak hutan-hutan balak di negara kita telah dicerobohi ataupun balak-balak di negara kita telah di curi. Saya rasa masalah kecurian balak ini, pada mulanya ia adalah merupakan isu

tempatan atau kenegerian, tetapi akhirnya, di masa-masa yang mutakhir ini ia menjadi isu nasional dan saya rasa pihak Kementerian perlulah menitikberatkan dalam persoalan ini. Saya rasa pihak Kementerian perlulah menitikberatkan dalam persoalan ini.

Saya juga ingin mengetahui bahawa sehingga setakat ini, di samping saya mengharapakan supaya pihak Kementerian akan membuat suatu banciaan sebagaimana yang saya katakan tadi, berapa banyakkah kawasan balak di dalam negara kita telah di curi? Sebab saya difahamkan bahawasanya menurut suatu pengkajian kawasan hutan balak di negara kita yang sudah dicuri ialah mungkin lebih kurang dua-pertiga daripada hutan balak di negara kita, hanya satu-pertiga sahaja yang diusahakan oleh mana-mana syarikat. Dua pertiga adalah merupakan kawasan yang mengalami kerugian akibat daripada pencurian.

Kita contohkan di Kelantan sahaja misalnya, di Kelantan di kawasan Ampangan Pergau di mana projek itu melibatkan melebihi daripada 10,000 hektar tanah yang mana kesemua 10,000 hektar itu adalah meliputi hutan belantara. Dan saya difahamkan baru-baru ini, hanya 1,200 hektar sahaja yang mempunyai kayu balak dan katanya kemungkinan yang lain-lain itu dikebas oleh pihak yang tidak bertanggungjawab semasa Kerajaan Barisan Nasional memerintah negeri Kelantan. Wallahu-aklam, saya pun tidak tahu tetapi kemungkinan itu adalah benar.

Kalau itulah satu contoh dalam kawasan yang begitu sempit yang meliputi 10,000 hektar, keadaan yang demikian boleh berlaku, bagaimana pula kalau kita gambarkan persoalan yang sama berlaku di seluruh negara kita.

Negeri Kelantan adalah merupakan sebuah negeri yang masih bernasib baik kerana hutan-hutan belantara dan kayu balak masih banyak jika ianya

dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia ini, di Semenanjung ataupun di Sabah dan Sarawak. Kadang-kadang saya terfikir, sebenarnya Kelantan ini pernah diperintah oleh PAS selama 18 tahun dahulu, kemudian oleh Kerajaan Barisan Nasional selama lebih kurang 12 tahun dan sekarang ini oleh Kerajaan ANGKATAN. Jadi, nampaknya negeri-negeri yang terus diperintah oleh Barisan Nasional, nampaknya kayu balaknya habis dikebas oleh siapa - saya tidak tahu. Oleh itu, saya sangat-sangat mengharapkan pihak Kementerian untuk memberikan suatu penjelasan yang sejelas-jelasnya mengenai kecurian balak ini.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Larut bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ya, silakan.

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya beri jalan.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Pengerusi, Ahli dari Tumpat mengatakan bahawa semasa Barisan Nasional memerintah, semua hutan kayu balak telah dikebas, tetapi saya ingin minta penjelasan dari beliau, sebelum Barisan Nasional memerintah Kelantan, siapakah yang kebas kayu balak di mana taukeh Singapura datang beri warning ambil duit dulu?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Pengerusi, sebenarnya apa yang pernah dilakukan oleh Kerajaan di negeri Kelantan ialah masalah joint venture dengan sebuah syarikat dari Singapura, (Timber-Mines) dan saya rasa perkara itu sudah menjadi isu besar di dalam pilihanraya dulu dan perkara itu sudah selesai. Jadi, seorang

lawyer saya rasa tidak perlu membangkitkan isu-isu yang sudah selesai.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Dia bangun pula.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Silakan.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Pengerusi, kalau tidak mahu membangkitkan isu yang sudah selesai, tidakkah Yang Berhormat sedar bahawa isu pencurian balak di Selangor dan di Kelantan sekarangpun sudah selesai - tak payahlah bercakap.

Tuan Pengerusi: Bukan dia minta penjelasan, cuma dia beri tahu sahaja.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih kerana beritahu. Itulah, Tuan Pengerusi, kalau isu pencurian balak di Selangor ataupun di lain-lain negeri sudah selesai, saya ingin minta penjelasan daripada pihak Kementerian, siapakah yang terlibat dalam pencurian balak terutama di negeri Selangor, Pahang dan negeri Kedah. Sebab kita dengar, di negeri Kedah yang terlibatnya ialah Menteri Besar Kedah sendiri, katanya. Sama ada benar atau tidak benar, itu saya tidak tahu. Jadi, kita mintalah penjelasan.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Kota Setar bangun pula.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Minta penjelasan sedikit. Tuan Pengerusi, nampaknya Yang Berhormat dari Tumpat ini bercakap benda yang dia tak tahu. Kalau dia tak tahu, dia tak boleh bercakap di sini, cakaplah benda yang dia tahu sahaja, janganlah dok raba. Saya nampak hari ini dia bagus, dia tak pakai tie, tetapi dia dok tuduh Menteri Besar

saya. Jadi, saya minta penjelasan, kalau ada bukti-bukti nyata (evidence), silalah buat dakwaan, jangan dok menuduh dengan tak tentu arah.

Tuan Pengerusi: Ya, bukan dia minta penjelasan. Dia beri tahu.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, soalan itu amat bagus. Saya telah diberi faham demikian, sama ada orang yang memberi faham kepada saya itu tidak betul ataupun betul, saya tidak tahu. Sebab itulah saya minta penjelasan dari pihak Kementerian. Kalaulah pihak Yang Amat Berhormat pihak Menteri Besar Kedah tidak terlibat, siapakah yang terlibat dalam kecurian balak di negeri Kedah. Saya rasa itu.....

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Padang Terap bangun pula.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Silakan.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, orang yang terlibat telahpun dimasukkan dalam mahkamah dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah tidak terlibat. Orang yang terlibat dengan kecurian balak di Sintok itu telahpun dihukum oleh pihak mahkamah. Saya ingin minta penjelasan adakah Ahli Yang Berhormat dari Tumpat ini menyedari bahawa perkara ini telahpun selesai dan proses keadilan telahpun dilakukan?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap, beri peluang dia menjawab dahulu, satu demi satu. Tumpat, silakan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Pengerusi, saya

rasa Yang Berhormat dari Padang Terap itu bukan seorang Menteri yang seharusnya memberikan jawapan di atas soalan saya.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak bangun lagi buat apa, dia sudah duduk, sudah habis berucap. Dia tak benarkan tadi dan Yang Berhormat sudah duduk.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Kalau - dia beri jalan, saya hendak bertanya sedikit.

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya beri jalan.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Pengerusi, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap tadi, saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat dari Tumpat. Adakah beliau ataupun sahabat-sahabat beliau itu masih menggunakan segala bukti-bukti yang dibentangkan dalam Harakah. Jadi, kita tengok apa yang beliau ucapkan ialah apa yang terdapat dalam surat khabar Harakah. Jadi, itu bukan bukti, itu adalah suatu akhbar yang kita tahu tujuannya adalah untuk kepentingan satu-satu parti sahaja. Minta penjelasan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Pengerusi, saya rasa Yang Berhormat itu tidak perlu sibuk. Kalau tidak bersalah, apa perlu sibuk-sibuk. Oleh itu tak perlu sibuk kerana kalau benda itu benar, dia akan terus menjadi benar; kalau benda itu salah, walau bagaimana kita tutup pun akhirnya dia berbau juga.

Tuan Pengerusi: Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Jadi, seolah-olah Yang Berhormat itu hendak membela.....

Tuan Pengerusi: Ya, masa yang Berhormat sudah hampir habis. *(Ketawa)*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Pengerusi, saya rasa selain daripada itu perlulah masalah perhutanan ini difikirkan, perlulah diselamatkan. Apa lagi kalau kita hubungkan dengan persoalan pembakaran hutan yang berlaku tempoh hari di Indonesia. Akibat daripada pembakaran hutan itu ataupun terbakarnya hutan di Indonesia, maka akibatnya ataupun kesannya adalah menjejaskan kebersihan udara di dalam negara kita atau yang diistilahkan negara kita mengalami jerebu dalam beberapa masa yang lalu. Saya rasa perlulah persoalan-persoalan ini dikawali supaya persoalan-persoalan yang sama tidak akan berlaku dalam hutan negara kita ini.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya rasa perlulah Kerajaan sekarang ini memikirkan bagaimana cara untuk menaam hutan baru. Sebab hutan-hutan di negara kita ini, sebagaimana saya katakan tadi hanya negeri Kelantan masih selamat, Sabah dan Sarawak saya kira lebih kurang keadaan di Kelantan tetapi di negeri-negeri lain hutannya habis, hampir dogol ataupun hampir pupus dan saya rasa perlulah pihak Kerajaan mengambil inisiatif untuk menanam hutan kembali.

Di sini saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Kelantan yang telah mempelopori dalam gerakan untuk membasmikan kecurian balak ini dan akhirnya diekori oleh negeri-negeri di bawah pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional. Saya rasa bagus, bererti Kerajaan Barisan Nasional gentleman sekarang ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu.....

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Tasek Chenderoh): *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Tasek Chenderoh bangun.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya fasal puji Kerajaan Kelantan, yang sebenarnya apakah tindakan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Kelantan yang berbeza dengan Kerajaan Negeri-negeri lain yang berkaitan dengan masalah pengeluaran balak ini?

Setakat ini berapa banyakkah balak yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Kelantan sejak PAS memerintah Kelantan, berapa banyak dikeluarkan secara halal, berapa banyakkah yang haram dan sebagainya. Sebab tadi dikatakan 1/3, 2/3, jadi rambang sahaja, meraba-raba, 1/3 yang dikeluarkan halal, 2/3 yang kena curi. Kalau boleh kita mintalah supaya diberi satu statistik yang tepat supaya kita dapat berpegang, dan saya minta penjelasan setakat ini bagaimanakah yang sebenarnya pengurusan di Kelantan yang dimaksudkan lebih baik daripada negeri-negeri lain itu?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bercakap tadi dalam konteks membasmikan pencurian balak, ertinya Kelantan nampaknya lebih serius dan saya tidak tahulah bagaimana penilaian daripada Ahli Yang Berhormat yang bertanya tadi, sebab dia ini seorang yang berjanggut, saya rasa orang yang berjanggut ini nampaknya warak, sepatutnya dia harus tahu perkara ini. *(Ketawa)*

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Ya, dia bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sila.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Penjelasan, yang sebenarnya di bawah butiran berapa masalah janggut ini?

Yang sebenarnya saya bertanya dengan serius, sebab Kerajaan-kerajaan Negeri lain pun bukan baru, sejak lama telah mengambil tindakan-tindakan ke atas masalah kecurian balak, cumanya ada yang berkesan dan ada yang tidak berkesan. Apakah tindakan Kerajaan Kelantan yang dikatakan yang lebih baik itu yang ditiru oleh negeri-negeri lain?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, jawab yang itu sahaja, masa Yang Berhormat telah cukup. Cuba jawab yang itu, sahaja.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Akhirnya, saya jawablah soalan Ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Hendak jawab juga?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya hendak jawab.

Tuan Pengerusi: Sila jawab.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tidak perlu saya jawablah, buang masa. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Pengerusi, tetapi yang jelasnya, masalah yang saya lihat kalau mengikut penghayatan kita semenjak negara kita merdeka sampai sekarang ini, nampaknya Kerajaan Barisan Nasional itu bertindak setelah perkara itu habis baru dia bertindak,

selepas itu dia follow daripada belakang. Tetapi kita tidak, kita cut daripada depan. Inilah yang saya katakan tadi.

Tuan Pengerusi: Dan itulah yang baiknya.

Tuan Pengerusi: Batang Lupar.

5.14 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana telah memberi peluang kepada saya untuk membahaskan peruntukan di bawah Maksud B.18 Kementerian Perusahaan Utama.

Saya ingin merujuk kepada Butiran 020000 Perhutanan dan juga di bawah Program Aktiviti 020100 Dasar dan Pentadbiran.

Tuan Pengerusi, masalah hutan ialah masalah yang sering diperbincangkan dan diperkatakan bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di seluruh dunia. Bahkan boleh saya katakan Malaysia sekarang telah menjadi begitu masyhur sekali, masyhur oleh dua faktor. Faktor yang pertama, Perdana Menteri yang membuat satu foreign polisi yang begitu pro aktif sekali, dan begitulah sebabnya Malaysia masyhur. Dan masyhur Malaysia yang kedua, ialah kerana masalah hutan di Sarawak. Jadi, dua faktor yang bercanggah. Satu, faktor yang mendatangkan kebaikan dan satu faktor yang mendatangkan kepahitan kepada rakyat Malaysia terutama sekali rakyat Malaysia yang duduk di Sarawak.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Sebagaimana yang kita telah tahu dan telah pernah saya sebutkan di sini, 120,000 rakyat Malaysia di Sarawak bergantung hidup ke atas faktor hutan dan sumber kehutanan. Sumber kehutanan ini telah memberi revenue atau keuntungan kepada Sarawak sebanyak 60%. Kalau ditariklah sumber

ini maknanya hilang revenue Sarawak 60% dan dari manakah dapat sumber itu digantikan dan siapa akan menggantinya.

Sebagaimana yang telah kita tahu sekarang, pihak negeri asing yang disokong oleh rakyat Malaysia sendiri, sebilangan kecil sekali rakyat Malaysia yang duduk di Malaysia, yang menjejak kakinya dibumi Malaysia, asal-usul orang Malaysia yang bernaung di bawah bumi Malaysia, langit Malaysia, ke luar negeri membuat sabotaj. Sabotaj bukan cara military tetapi secara komersial.

Bahkan lebih dahsyat lagi, lebih teruk lagi kerana ini adalah sabotaj secara komersial. Kita tidak makan senapang, kita tidak makan senjata, kita tidak makan parang dan pisau, kita makan benda jualan, benda tanaman, tetapi komersial inilah disabotajkan. Ini rakyat Malaysia sendiri. Jadi, berlakulah bangkangan di luar negeri. Bangkangan di luar negeri mengatakan hutan tropika di Sarawak jangan ditebang lagi, jangan dibunuh lagi, biarkan canopinya 100% kata environmentalist atau pihak yang mengatakan jangan tebang ini, kalau kita tebang cara selective harvesting di Sarawak itu, 40% canopinya akan binasa.

Sebagaimana yang kita tahu 70% negara Malaysia masih green lagi, tetapi pihak luar negara kata, greening of the world, tidak payah greening of the world, negara Malaysia memang green. Tidak payah greening, kita potong pun, tidak payah green, kita masih green. Tetapi mereka tidak berpuas hati, mereka mengadakan beberapa pertunjukan terutama sekali pada peringkat akhir tahun 1990an, diadakan di New York, di Manhattan pada 28 Oktober 1990, digunakan rakyat Malaysia berketurunan Penan, digunakan mereka ini, mereka ini hanya pandai cap jari sahaja kalau hendak terima barang, tidak pandai tulis. Bukanlah saya hendak mengata mereka tidak bijak, tidak pandai. Tetapi orang lepasan universiti pun boleh

dimanipulate, inikan pula orang baru keluar daripada hutan Sarawak. Tetapi ada juga di kalangan ini yang cerdik dan pandai, termasuklah juga orang macam di luar negeri ini masuk ke negeri kita bernama Bruno Manser ini, dia gunakan pengalaman yang telah dialami di Sarawak untuk menjejaskan dan memburukkan nama Sarawak.

Pada 24hb Oktober, 1990 diadakan satu forum lagi yang dinamakan Torn Tana: A Journey to the Heart of Borneo", a film forum di theatre di Manhattan. Ini tak ada cerita baik, 88 minit cerita buruk kepada Malaysia.

26hb Oktober 1990 di Medison Avenue, satu demonstrasi diadakan di depan pejabat Mitsubishi dan diulangkan beberapa kali pada bulan Oktober. Orang-orang yang berpakaian Penan digunakan. Sama ada Penan daripada Sarawak atau Penan daripada Switzerland, saya tak tahu, tetapi dia gunakan pakaian Penan. Jadi ini telah membuatkan Sarawak itu menjadi famous, satu negeri di Malaysia yang famous. Dahulu orang di luar negeri tak tahu, orang Sarawak kata "orang di atas angin." Orang dari Eropah, dari Amerika, dari Australia ini tak tahu di mana Malaysia. Pernah berlaku seorang actor bernama Patrick Macney datang ke Malaysia, Pulau Pinang. Bila dia datang ke Pulau Pinang, dia bawa heavy coat, dia kata Malaysia ini di North Pole sana, terbang, bila turun di Pulau Pinang, temperature 35 degree, baru dia sedar. Inilah perangai mereka. Dia tak tahu, dia bodoh sangat.

Tetapi sekarang orang sudah tahu di mana Malaysia, mereka hendak masuk campur hal negeri kita. Jadi Charter, the United Nations Charter's "the right to govern, the right to resources, the right to determine your country," tidak guna langsung, bohong. United Nations dipergunakan. Yang benar ialah Amerika, Eropah, Australia, negeri yang benar-benar mengancam Malaysia, oleh kerana pembalakan di Sarawak link

mereka dengan environment, dikatakan kita menjejaskan environment. Tahukah kita 80% penjejasan environment itu adalah perbuatan negara luar, perbuatan orang Eropah, perbuatan orang Amerika. Tetapi kenapa pula orang kita Malaysia yang masuk campur cerita kita sendiri dan buat ke luar negeri mengatakan Malaysia itu membinasakan environment kita? Kalau betul-betul environmentalists dari Malaysia ini benar-benar hendak memajukan environment, hendak menyelamatkan dunia ini daripada environment, patut pergi ke the biggest fresh water lake di Amerika yang tercemar sekali di dunia.

Sayang, the legacy of the world, the biggest fresh water lake di dunia tercemar oleh pihak Amerika, kenapa kita tak buat demonstrasi? Kenapa demonstrasi pemotongan hutan di Sarawak dibuat di Manhattan? Jadi, masuklah campur memang sudah adat orang Amerika, memang sudah adat orang Eropah, memang sudah adat orang Australia, panjang ini yang kita jahat, panjang ini yang mereka ceritakan. Jadi keluarlah dalam suratkhbar mengatakan itu dan mengatakan ini, keluarlah "reporter at large" mengeluarkan report mengenai logging in Sarawak, keluarlah global economy and environment. Ini semua dakyah-dakyah mereka mengatakan begitu hodoh sekali orang Malaysia, tetapi ada juga pengkhianat kita sendiri.

Tetapi pembalakan di Sarawak adalah atas perbuatan mereka sendiri. Kita hendak majukan trade dan industry kita. Kita hendak majukan perdagangan di luar negeri kita, tetapi mereka menghalangnya. Kenapa pula Uruguay Round diperhentikan ataupun dilambatkan? Oleh kerana General Agreement on Tariff and Trade, iaitu liberalisation of trade sedunia. Mereka tak suka, jadi mereka sendirilah yang menghalang trade ataupun perdagangan antarabangsa yang liberal. Jadi ke mana kita hendak pergi, kita hendak hidup.

Jadi natural resources kitalah kita exploitkan untuk mendatangkan revenue, tetapi inilah pula mereka heboh-hebohkan mengatakan kita telah membinasakan hutan. Inilah sahaja legacy, kata mereka, legacy rakyat ini kepada dunia. Bahkan dikatakan oleh seorang environmentalist, seorang professor dari Harvard yang bernama Edward O. Wilson, Harvard University, dia mengatakan dalam bahasa Inggeris saya bacakan, dengan izin:

"It is the sin for which the current generation can least be forgiven".

Ini kata dia, "sin for which generation can least forgiven", membinasakan hutan tropika, pembinaasaan orang di Iraq, pembinaasaan Lebanese di Lebanon, it is nothing kepada mereka. Ini semangat Barat, pandangan Barat, the standard and virtues of Barat. Tetapi kita yang belum lagi tahu politik antarabangsa dan dunia, politik Barat yang membuatkan grand design to dominate the world, dengan izin. Dahulu cara military, sekarang cara commerce, cara industry. Tetapi kita di Malaysia terikut-ikut, environmentalists kita terikut-ikut, Bar Council kita terikut-ikut, ahli sahabat alam pun terikut-ikut, dengan tidak mengetahui apa tujuan dan maksud mereka yang di luar itu.

Tuan Pengerusi, mereka ini lebih dahsyat lagi daripada military saboteurs. Jadi oleh kerana ada tekanan luar negeri yang begitu kuat, tekanan yang begitu hebat, kita terpaksa terikut-ikut, terpaksa menurut kehendak mereka, sebagaimana dikehendaki oleh ITTO dengan laporan mereka pada 1990.

Pertanyaan saya kepada Kementerian berhubung dengan perhutanan. Adakah penukaran ataupun conversion hutan kepada tanah ladang di Sarawak sekarang sedang menurun ataupun telah menaik sebagaimana telah berlaku pada tahun 1990? Kalau tidak menurun, apakah tindakan Kementerian?

Soalan yang kedua, sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak ITTO yang disetujui oleh para environmentalists, kita mesti mempraktikkan sustainable forest management pada tahun 2000. Soalan saya, dapatkah kita mempraktikkan sustainable forest extraction ini pada tahun 2000 dalam keadaan pembalakan yang ada pada masa sekarang ini?

Soalan yang ketiga, kalau sustainable forest management ataupun reduced extraction of forest resources, dengan izin, dibuat bermakna kurangnya pendapatan revenue Sarawak dan apakah gantirugi telah dirancang ataupun program yang telah dirancang oleh Kementerian supaya Sarawak tidak kehilangan revenue? Adakah alternatif pekerjaan untuk pekerja yang sekarang 120,000 rakyat Malaysia di Sarawak yang terlibat dengan perindustrian pembalakan yang akan diberi kepada mereka?

Keempat, adakah pelan secara menyeluruh dikaji untuk mempelbagaikan industri di Sarawak supaya tidak bergantung sangat dengan industri pembalakan kayu di hutan?

Kelima.....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung. Masa tidak mengizinkan.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Oleh kerana masa tak cukup, soalan ke 10 belum saya sebutkan. Kalau saya dikehendaki menggulung, jadi saya gulunglah begini. Jadi, saya menyerulah kepada pihak Kementerian walaupun saya sedar pihak Kementerian mengadakan program-program di luar negeri untuk memberi penjelasan kepada pihak luar negeri mengatakan the management scheme planning dan rancangan Kerajaan Malaysia adalah baik dan teratur, tetapi saya berpendapat ini belum lagi cukup. Kita sepatutnya membuat satu program yang lebih agresif lagi menunjukkan keburukan di

luar negeri. Bukan sahaja menunjukkan atau explain tindakan kita yang baik, tetapi kita tunjukkan juga keburukan mereka dan menghalakannya ke alam dunia yang hijau, bersih dan baik. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila gulung.

5.30 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dalam Jawatankuasa di bawah bidang Kementerian Perusahaan Utama.

Sebagaimana yang telah kita ketahui bahawa pada masa ini Malaysia yang terkenal dengan berbagai-bagai hasil komoditi, dan Kementerian saya sering berusaha untuk mendapatkan harga pasaran yang terbaik dari semasa ke semasa. Namun demikian, adalah menjadi lumrah perdagangan dan perniagaan, bila barangan terlalu banyak, harga akan menurun, dan bila barangan atau stoknya kurang, maka harga terus naik. Jadi, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya dari Ipoh, maka nasib pasaran timah sama dengan apa yang telah saya katakan, iaitu mengikut hukum ekonomi, bila supply banyak, harga menurun, bila supply sedikit, demand banyak, maka harga akan naik.

Kita tidak hairan kerana mengikut dunia perniagaan, kalau sesuatu barangan yang kita keluarkan itu harganya tidak memuaskan, apatah lagi kalau harga pasaran dunia di paras kos pengeluaran kita, maka adalah sudah semestinya kita terpaksa mengurangkan kegiatan tersebut.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Saya sudah beritahu tadi ini penghabisan. Ahli Yang Berhormat dari Ipoh penghabisan, minta maaf.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Tumpat bangun.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Minta maaf. Kecurian balak telah selesai. Sebagai seorang Islam saya rasa tidak perlu diungkit lagi kerana dengan mengungkit perkara-perkara yang telah selesai ini akan menjatuh maruah seseorang Islam. Sedangkan seseorang Islam yang kita cuba hendak menjatuh maruah itu mempunyai martabat, dan adalah perlu sebagai seorang saudara Islam sama-sama menjaga maruah di antara satu sama lain, dan adalah tidak wajar sebagai Wakil Rakyat yang bermaruah dan berpegang teguh kepada Islam, menimbulkan satu perkara yang telah selesai, sebagaimana yang telah kita ketahui menerusi surat-surat khabar dan sebagainya. Dengan itu harapan saya supaya perkara-perkara yang boleh menjatuh maruah ini hendaklah dielakkan daripada ditonjolkan dalam Dewan yang mulia ini, kerana ini mencerminkan kewibawaan kita sebagai seorang tokoh politik negara. Apatah lagi kalau Yang Berhormat ini dari negeri Kelantan yang dianggap Serambi Mekah.

Tuan Pengerusi, Wakil dari Tumpat juga telah mengucap tahniah kepada Kerajaan Kelantan kerana telah berjaya membasmi kecurian balak. Saya yakin bahawa kecurian balak tidak lagi dapat dibasmikan walaupun di negeri Kelantan. Masih ada, masih ada. Jadi, dengan sebab itu Kementerian saya mengharapkan supaya Kerajaan Kelantan akan cuba seberapa daya-upaya bersama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri yang lain supaya kes-kes kecurian balak ini akan dapat kita kurangkan dari masa ke semasa.

Menyentuh tentang apa yang ditimbul oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, saya mengucap setinggi-tinggi terima kasih.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Pasir Mas bangun.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Minta maaf Yang Berhormat, ya. Kalau tidak, nanti orang PAS kata pula cakap lidah bercabang, kerana kita kata Ipoh tadi penghabisan.

Saya mengucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batang Lupar, kerana mempunyai tanggungjawab sebagai seorang warganegara Malaysia yang tahu mempertahankan imej negara. Adalah malang kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat kita yang telah memburuk-burukkan negara kita di luar negeri. Jadi, sebagai Ahli Dewan yang mulia ini adalah wajar setiap orang mesti bertanggungjawab dan mesti berdiri teguh di belakang Kerajaan supaya perkara-perkara yang boleh merosakkan imej negara akan dapat kita pertahankan, tidak sebagaimana yang telah diceritakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar dengan panjang lebar mengenai kegiatan anti nasional yang berlaku di New York, di Bangsa-bangsa Bersatu dan sebagainya.

Tentang 120,000 rakyat Sarawak yang bergantung hidup atas kegiatan-kegiatan perhutanan ini, Kementerian saya memandang serius dan dengan sebab itu banyak peruntukan di dalam Budget ini telah diberi perhatian kepada Sarawak, supaya nasib 120,000 orang itu dapat kita pertahankan dan dapat kita memberi mereka satu penghidupan yang lebih sempurna. Kementerian saya tidak berhajat untuk menghapuskan perusahaan pembalakan ini, tetapi sebaliknya Kementerian akan cuba mempergiatkan kegiatan hiliran ataupun

downstream activity, dengan izin, bagi meninggikan nilai tokok kepada barangan-barangan hutan, khasnya di negeri yang banyak rakyat bergantung dengan kegiatan-kegiatan perhutanan.

Tentang soalan-soalan yang telah ditimbulkan itu saya tidak dapat hendak menjawab satu persatu, tetapi memadai saya mengatakan bahawa hubungan Kementerian dengan Kerajaan Sarawak begitu kukuh dan baik, dan insya Allah Kementerian sering berbincang untuk mengadakan apa-apa kegiatan bagi kebaikan rakyat di Sarawak khasnya, dan Malaysia amnya.

Sekian, sekali lagi saya ucap terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi memberi pandangan, teguran kepada Kementerian ini. Insya Allah saya akan ambil perhatian dan Kementerian saya akan cuba memperbaikinya dari masa ke semasa. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$92,797,200 untuk Maksud B.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$92,797,200 untuk Maksud B.18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$72,107,180 yang disebutkan untuk Maksud P.18 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1992 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak \$72,107,180 untuk Maksud P.18 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1992.

*Maksud B.19 (Jadual)—
Maksud P.19 (Anggaran Pembangunan, 1992)—*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala Bekalan B.19 dan kepala Bekalan Tambahan P.19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas sekarang. Pasir Mas.

5.56 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada P.19 mukasurat 87, 00900 di bawah tajuk 08, Projek Taman Bukit Cahaya Sri Alam.

Tuan Pengerusi, memang banyak perkara yang hendak dipertanyakan di dalam perbincangan mengenai dengan Kementerian Pertanian, kerana ianya satu Kementerian yang begitu penting yang ada hubungkait yang begitu rapat dengan rakyat, terutamanya dalam konteks pembangunan pertanian. Tetapi oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya hanya hendak menumpukan kepada dua perkara. Yang pertama sudah saya sebut tadi iaitu bersabit dengan Projek Taman Bukit Cahaya Sri Alam, di mana peruntukan sebanyak \$420,000. Di waktu perbincangan pada peringkat dasar Belanjawan pada tahun ini saya ada menyebut bahawasanya Taman Bukit Cahaya Sri Alam ataupun taman pertanian yang berada di Shah Alam ini merupakan suatu tanda, suatu bukti bahawasanya kalau kepimpinan yang penuh dengan inovatif dan idea bahawa negara kita ataupun bangsa kita boleh menunduk kemajuan yang telah diperolehi oleh negara-negara Barat. Dan ianya membuktikan bahawasanya keimpinan jika ianya penuh dengan idea dan inovasi, ianya boleh menjadi suatu realiti dan sesuai dengan kehendak ke arah cita-cita Wawasan 2020.

Taman Bukit Cahaya Sri Alam ini sudah menjadi satu bukti, sudah menjadi satu contoh kejayaan lebih-lebih lagi

ditunjuk oleh kepimpinan Melayu dan pada pandangan saya, Tuan Pengerusi, sepanjang penelitian saya terhadap apa jua pembangunan dan kreativiti di kalangan pemimpin-pemimpin, memang saya secara peribadi memberi tabik hormat di atas kejayaan Taman Bukit Cahaya Sri Alam ini. Sewajarnya ataupun sepatutnya diberi peruntukan yang lebih. Satu ketika dahulu saya pernah dengar perbincangan di kalangan ahli akademik, perbincangan di kalangan pihak-pihak tertentu dalam seminar yang seolah-olah memperkecil dan menertawakan apabila Menteri Pertanian mengatakan bahawasanya Taman Bukit Cahaya Sri Alam ini suatu hari nanti akan setanding ataupun boleh menandingi Alhambra di Perancis.

Suatu taman yang memperlihatkan keindahan alam semula jadi tetapi penuh dengan persembahan bukan sahaja yang bercorak kebudayaan negara kita dalam konteks kehidupan seharian rakyat dalam segala bidang tetapi sekaligus ia sudah mula menarik pelancong-pelancong dan menjadi tempat yang paling diminati yang saya kira sudahpun dikenali di serata dunia.

Lawatan-lawatan pemimpin-pemimpin dunia termasuk Maharaja Hirito dari Jepun, kalau tidak silap saya dan lain-lain pemimpin dan nampaknya sekarang ini setiap kali ada lawatan pemimpin negara, maka salah satu tempat yang dilawati ialah Taman Bukit Sri Cahaya. Malah di kalangan dalam negara kita sendiri termasuk kanak-kanak sekolah yang sudah mula pandai menyebut dan mahu ke Taman Bukit Sri Cahaya ini sepanjang minggu oleh kerana bukan sahaja keindahan yang diperlihatkan di tempat tersebut tetapi ianya memang menjadi tempat yang cukup menarik.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya sukalah mencadangkan di sini supaya pembangunan Bukit Sri Cahaya ini dipertingkatkan lagi dan peruntukan tambahan jika perlu dilipatgandakan lagi

dan suatu hari nanti saya percaya Taman ini boleh self-generating maknanya boleh dibiayai secara sendiri. Sekarang ini masuknya percuma tetapi saya ingin mencadangkan di sini sudah sampai masanya kerana pada strukturnya, pada asasnya ianya sudah agak complete, dengan izin, keseluruhannya Taman ini, seperti yang saya katakan tadi tetapi saya ingin mencadangkan supaya kempen penerangan hendaklah diperbanyakkan lagi iaitu melalui advertisement board terutamanya di lapangan terbang antarabangsa. Bila pelawat turun sahaja, kita tengok satu billboard besar menjemput pelancong-pelancong ke Bukit Sri Cahaya dan begitu juga di jalan-jalan raya di mana-mana tempat yang strategik. Billboard yang cantik yang pernah saya lihat di waktu kita melawat ke luar negeri. Advertisement mereka yang begitu hebat sekali tetapi tempat yang kita lihat tidaklah sehebat advertisement tetapi kita harap apa yang kita lihat di Bukit Sri Cahaya ini begitu indah, supaya advertisement itu dibuat di merata tempat supaya setiap orang tahu, supaya menjadi sebutan setiap hari jika mahu menghabiskan masa lapang di Bukit Sri Cahaya. Bukan sahaja untuk kanak-kanak berseronok, budak-budak sekolah menghabiskan masa berseronok tetapi pada masa yang sama, mereka banyak mendapat ilmu di tempat tersebut.

Yang kedua, saya ingin cadangkan dari segi pengangkutan supaya kalau boleh di bina di PWTC tempat perhentian bas ataupun di Puduraya diadakan bas khusus pada setiap hari sama ada dua buah atau tiga buah bas dengan tambang yang disubsidikan ataupun dicari jalan supaya tambang itu murah supaya orang tahu setiap pukul 8.00 pagi, bermula pukul 8.00 pagi siapa hendak ke Taman Bukit Sri Cahaya boleh naik bas di sana percuma, ataupun diberi subsidi dan bas itu diletakkan advertisement yang menarik. Sebab kita pernah lihat juga di luar negeri, kalau kita tengok di Australia, hendak pergi tengok Pheonical di Perth, gambar Pheonical di

badan bas itu cukup indah tetapi bila kita pergi tidak ada apa, batu terpacak begitu sahaja tetapi dia punya tarikan pada pelancong itu sehingga buat kita tidak tahan hendak menengoknya. Ini pada pandangan saya, 20 kali ganda lebih baik Taman Sri Cahaya kalau kita bandingkan dengan apa yang dibuat oleh Kerajaan Australia sebagai contoh. Itu dari segi pengangkutan.

Perkara yang ketiga, saya hendak cadangkan kalau boleh, sudah sampai masanya di sini dibina rumah rehat ataupun yang berbentuk chalet seperti di Taman Negara yang harganya murah-murah. Ini boleh dibuat melalui MARA yang saya tengok baru ini ada Perayaan 25 Tahun MARA, rumah kayu sedia yang murah dibuat itu dibina di Taman Sri Cahaya supaya sama ada pelancong, rakyat negara kita sendiri ataupun luar negara kita yang datang ke negara kita ini tidak mahu duduk di hotel-hotel besar-besar, yang hendak duduk dalam rimba, hendak rasa closed to the nature, dengan izin, mereka boleh diami di sana dan pada waktu malam ada kegiatan, ada program yang boleh menarik mereka, yang boleh mereka participate kerana saya harap satu hari nanti, Taman Pertanian ini secara tidak langsung juga boleh jadi Mini Disneyland of Malaysia. Dengan kawasan tanah yang begitu luas yang boleh diperbanyakan lagi aktiviti seumpama ini baik dari segi chalet ataupun yang berbentuk rumah panjang tetapi harga sewanya paling minimum sekali. Ini boleh dibuat ataupun kalau hotel sekalipun yang sederhana yang dua star atau tiga star tetapi saya lebih tertumpu kepada cadangan ke arah membina chalet-chalet ini supaya mereka boleh merasa nikmat hidup dalam alam Malaysia yang boleh dibuat di Taman Sri Cahaya ini.

Tuan Pengerusi, di samping itu, saya ingin mencadangkan kalaulah kegiatan ini dapat disempurnakan sebagaimana yang saya cadangkan tadi, maka sudah sampai mungkin satu ketika nanti setiap mereka yang melawat Taman Sri Cahaya

bolehlah dikenakan bayaran pintu masuk sebagai kos pengurusan dan untuk pembangunan pada masa akan datang. Sebab tidak ada tempat lain orang hendak pergi. Saya tengok, sebagai contoh yang betul-betul jenis Disneyland di Malaysia tidak ada. Sebab itu kalau kita melawat di Mall, di atas itu yang tempat budak-budak melawat termasuk anak-anak pegawai semua sekali bertumpu dekat situ. Beratus ada di situ dengan permainan entah apa benda - \$2.00, \$3.00 adalah di Kompleks satu dua di sana sini. Tempat lain tidak ada di negara kita. Saya percaya Taman Bukit Sri Cahaya boleh mengambil alih peranan ini. Bukanlah hendak bersaing - tidak. Di sana pun tetap saya rasa akan terus hidup, akan terus maju tetapi di Taman Bukit Sri Cahaya ini juga mesti ada program ataupun diletakkan kegiatan-kegiatan yang disukai oleh kanak-kanak dalam bentuk pendidikan selain daripada itu untuk seronok-seronok macam bentuk mini Disneyland tadi.

Yang ada sekarang ini secara conventional, secara kitalah, panjat bukit, naik tali itu elok tetapi sedikit sebanyak mesti juga dicomplimentkan dengan teknologi-teknologi baru ini supaya apabila kanak-kanak sekolah melawat, dia boleh tengok alam semula jadi kita secara conventional, at the same time, dengan izin, mereka juga boleh belajar teknologi baru sesuai dengan zaman sekarang ini. Bererti satu hari nanti Taman Bukit Sri Cahaya ini akan jadi satu taman bukan sahaja taman lawatan tetapi gedung ilmu bagi negara kita ini dalam semua bidang dan itulah saya katakan bahawa inilah satu-satu kejayaan yang dapat kita lihat di atas kesungguhan jika kita ada idea atau kreativiti kita, inovasi kita, maka sudah barang tentu, inilah yang dikatakan ke arah cita-cita Wawasan 2020. Ia tidak akan menjadi kosong. Maka Taman Bukit Sri Cahaya ini haruslah diberi perhatian yang khusus yang lebih lagi supaya ianya benar-benar berjaya.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua, yang saya ingin sentuh di sini ialah subsidi baja padi di bawah Butiran yang sama 00900 Projek Pertanian iaitu 01.

Subsidi baja padi tahun 1992 ialah \$70 juta. Ini tidak banyak saya hendak sebut ataupun yang saya hendak bangkitkan di sini. Pada tahun ini, mulai pada tahun hadapan, saya percaya sebagaimana jawapan yang telah diberi oleh pihak Kementerian, baik Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen bahawa tahun hadapan, petani-petani Kelantan akan mulai menerima subsidi baja. Jadi, orang PAS pun tidak payah dok bising lagi. Jadi, Ahli Parlimen Nilam Puri pun tidak payah dok bersyarah banyak lagi sebab subsidi baja padi tahun hadapan akan mula sampai ke Kelantan. Baru ini berhenti sekejap kerana cara-cara hendak bagi itu belum jumpa lagi. Jadi, sekarang ini cara-cara hendak bagi sudah jumpa maknanya masalah cara mana baja subsidi ini akan disampaikan kepada rakyat. Saya hendak menyentuh di sini secara umum sahaja tetapi apa yang saya sebut secara umum ini nanti, saya harap dapat dimengerti oleh pihak Kerajaan terutamanya Kementerian Pertanian di sebalik makna yang saya sebut ini.

Saya tidak menyebelah mana-mana pihak tetapi saya harap jika subsidi baja ini dibahagi dengan betul nanti sampai ke sasaran kepada petani-petani yang tidak sangat dikaitkan dengan unsur-unsur yang negatif ataupun kita mempersoalkan petani-petani dari segi latar belakangnya. Saya percaya rakyat Kelantan khususnya petani-petani akan berterima kasih dan akan menyokong Kerajaan Pusat. Saya cukup yakin. Peristiwa yang berlaku sebelum ini iaitu sebelum 1990 itu, peristiwa khusus, 'special case' yang tidak terfikir oleh kita tetapi rakyat Kelantan sudah sedar termasuk saya sendiri.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya harap sebab kita tidak mahu tindak-tanduk kita sebagai Ahli Politik menjejaskan

kepentingan rakyat. Kita tidak mahu kerana kita, rakyat yang menjadi mangsa kalau kita pemimpin yang bertanggungjawab. Jadi, sebab itu saya secara terus-terang dan cara terbuka kalau didengar oleh Ahli Parlimen Pengkalan Chepa ini sah dia marah. Nanti dia kata saya begitu, begini, bodeklah macam-macam dia akan bantai.....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Haji Ibrahim Ali: Saya hendak gulunglah ini, ini dalam proses mengulung, Tuan Pengerusi.

Jadi tentulah dia akan mencemuh saya, ini tidak menjadi soal kepada saya. Yang penting nasib rakyat mesti dibela terutamanya petani-petani di Kelantan. Jadi soal menyalurkan ini, saya baca dalam surat khabar, sudahpun diputuskan hendak diberi tetapi saya tidak tahu cara mana. Yang saya hendak minta supaya jangan Kementerian Pertanian lepas tangan semata-mata kerana kerja ini kerja Kementerian Pertanian tetapi diserahkan kepada pihak tertentu untuk menguruskan kerja ini nanti dan akhir sekali timbul masalah menjadi political issue dan dieksplot oleh PAS. Rakyat Kelantan mudah emosi dan akhirnya kita rugi, rakyat rugi, padi pun rugi, sebab padi tidak dapat baja. Sebab itu, saya berharap Kementerian Pertanian sendiri campurtangan dan pastikan kerana maklum sahajalah, dunia sekarang ini, kadang-kadang pihak Kerajaan Pusat tidak salah, kadang-kadang UMNO tidak salah dari segi keadilan bagi kepada rakyat tetapi yang di bawah-bawah ini pun satu hal juga yang kadang-kadang membuat laporan begitu begini sehinggakan orang tidak fasal-fasal jadi mangsa.

Saya memberitahu dengan ikhlas, deep in my heart, sebab saya percaya kalau sasarannya sampai dengan elok, PAS buat apapun, 46 buat apapun, tidak usah bimbang, saya percaya rakyat

Kelantan akan kembali bersatu di bawah perpaduan orang-orang Islam untuk kemajuan, tetapi pastikan kerja ini berjalan dengan elok. Jangan lepas ini kita lepas tangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Baru hendak gulung. Habis dah?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sudah.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bukit Bintang.

6.13 ptg.

Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Kementerian ini dalam Jawatankuasa. Saya merujuk kepada Butiran 010000 Pentadbiran Ibu Pejabat dan 100000 Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Tuan Pengerusi, baru-baru ini kita dapati Laporan Audit atau Laporan dan Akaun Tahunan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda dari tahun 1983 hingga 1989 - tujuh tahun sekali dibentangkan di Parlimen. Daripada laporan itu kita boleh nampak bahawa Akaun Tahunan 1983 ditandatangani oleh Ketua Audit Negara pada 9hb November, 1984 dan tidak dibentangkan di Parlimen dengan secepat mungkin. Laporan dan Akaun Tahunan 1984 ditandatangani oleh Ketua Audit Negara pada 30hb Oktober, 1985 juga tidak dibentangkan dengan secepat mungkin; Laporan dan Akaun Tahunan 1986 ditandatangani oleh

Ketua Audit Negara pada 14hb Oktober, 1987; Laporan dan Akaun Tahunan 1987 ditandatangani oleh Ketua Audit Negara pada 22hb Ogos, 1988; Laporan dan Akaun Tahunan 1988 ditandatangani oleh Ketua Audit Negara pada 16hb Jun, 1989 dan yang akhir sekali Laporan dan Akaun Tahunan 1989 ditandatangani oleh Ketua Audit Negara pada 18hb Februari, 1991. Akaun-akaun ini sudah tujuh tahun tidak dibentangkan di Parlimen dengan secepat mungkin dan juga di bawah undang-undang negara kita, laporan ini mesti dibentangkan di Parlimen dalam tempoh enam bulan selepas daripada akhir tahun yang tertentu tetapi yang kita dapati ini semuanya out-dated, dengan izin.

Saya ingin bertanya Menteri yang berkenaan, kenapa laporan ini tidak dibentangkan dengan secepat mungkin, pada halnya sudah ditandatangani oleh Ketua Audit Negara samada ada apa-apa yang tidak mahu diberitahu kepada Parlimen, oleh kerana kalau saya merujuk kepada Laporan Tahun 1983, yang dicatatkan oleh Ketua Audit Negara di mukasurat 9, secara amnya:

- (4) Yayasan mempunyai wang sebanyak \$635,315.70 yang disimpan dengan Syarikat Perniagaan dan Pertanian MADA, wang ini telah dikutip sebelum penubuhan Yayasan. Sehingga sekarang tindakan masih belum diambil untuk memindahkan wang ini kepada Yayasan dan ia juga tidak ditunjukkan di dalam kunci kira-kira sebagai harta Yayasan.

Satu lagi Laporan Tahun 1984. Juga saya minta Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan yang mulia ini kenapa ada masalah yang begini? Laporan 1984 di mukasurat 12, ini adalah Laporan Ketua Audit Negara dan saya berharap Menteri yang berkenaan jangan mencabar Laporan Ketua Audit Negara

seperti UDA dahulu dia mencabar Ketua Audit Negara. Di mukasurat 12 menyatakan:

- (2) Pelaburan melalui ASEAM Bankers \$250,000 Yayasan telah menyimpan wang sebanyak \$250,000 dengan sebuah bank tempatan yang diberi kuasa kepadanya untuk membuat apa-apa pelaburan yang difikirkan perlu dari masa ke semasa. Sehingga sekarang saya masih belum diberitahu sama ada pelaburan ini mendapat kelulusan Menteri Pertanian seperti yang diperuntukkan di bawah undang-undang.

Saya juga hendak tahu daripada Menteri yang berkenaan, kenapa Ketua Audit Negara ada satu catatan yang sebegini?

Yang ketiga, sumbangan daripada ahli-ahli Pertubuhan Peladang MADA - mengikut rekod MADA didapati jumlah ahli-ahli Pertubuhan Peladang MADA ialah seramai 33,613 orang. Berdasarkan kepada kedudukan ini, Yayasan sepatutnya memperolehi sumbangan sebanyak \$33,613 iaitu di atas kadar sebanyak \$1 seorang. Walau bagaimanapun, sumbangan yang diperolehi bagi tahun ini hanyalah sebanyak \$22,473 dan ini sudah ada shortfall lebih kurang \$11,000 di sini. Saya harap Menteri berkenaan memberi jawapan atau keterangan kepada soalan ini juga.

Keempat, sumbangan daripada Pertubuhan Peladang. Menurut laporan saya bagi tahun 1983 dan juga minit mesyuarat pertama Yayasan, jumlah yang masih disimpan oleh Syarikat Perniagaan MADA (SPPM) dan sepatutnya dipelarasikan sebagai harta Yayasan ialah sebanyak \$635,316 tetapi mengikut pelarasan tahun 1984 yang dibuat, jumlahnya adalah sebanyak \$530,695 sahaja. Perbezaan angka ini dibangkitkan di dalam pemerhatian dan masih menunggu jawapan daripada pihak Yayasan.

Yang ini saya rasa kenapa apa-apa yang ditanya oleh Ketua Audit Negara tidak diberi jawapan dengan secepat mungkin. Dengan itu saya harap Yang Berhormat Menteri juga memberi jawapan di bawah perkara itu.

Dalam laporan tahun 1985 mukasurat 14 iaitu Kunci Kira-kira oleh Ketua Audit Negara ada menyatakan:

“Di dalam Laporan saya yang lalu, telah dilaporkan bahawa sebanyak \$250,000 telah disimpan dengan Aseambankers Malaysia Berhad dengan diberikuasa kepadanya untuk membuat apa-apa pelaburan yang difikirkan perlu dari masa ke semasa. Dan saya masih belum diberitahu sama ada pelaburan ini telah mendapat kelulusan Menteri Pertanian seperti yang diperuntukkan di bawah undang-undang. Kedudukan itu bukan sahaja tidak berubah dalam tahun 1985 malahan penyata analisa daripada Aseambankers menunjukkan bahawa pelaburan setakat 31 Disember, 1985 telah meningkat kepada \$956,989 akibat daripada tambahan pelaburan sebanyak \$530,444 dan \$166,445 lagi merupakan keuntungan bersih daripada pelaburan. Tetapi dari jumlah ini sebanyak \$613,955 merupakan kos pelaburan dalam saham syarikat yang tercatat di pasaran terbuka dan mengikut penyata analisa tersebut saham-saham itu merosot nilai sebanyak 37% kosnya menjadikan harganya pada pertengahan pasaran sebanyak \$386,214 sahaja.”

Yang kita hendak tahu di Dewan ini kenapa Kementerian tidak ambil apa-apa tindakan di bawah pelaburan ini oleh kerana MADA tidak dapat apa-apa keizinan atau kelulusan daripada Kementerian Pertanian.

Saya juga ingin merujuk kepada Laporan tahun 1986 dan ini juga sama dan dibangkitkan sekali lagi iaitu soal pelaburan.

Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada Laporan tahun 1987 mukasurat 26, item ke-3. Ini adalah kenyataan Ketua Audit Negara.

“Sepanjang tahun yang berkenaan Yayasan telah mengeluarkan wang sebanyak \$468,000 untuk membeli saham yang ditawarkan kepada umum. Permohonan saham-saham ini dibuat atas nama Ahli Lembaga Pengarah dan kakitangan Yayasan. Sebanyak 11 lot saham yang berjumlah \$24,600 telah diperolehi. Yayasan telah menjual 9 lot saham dan berjaya memperolehi keuntungan sebanyak \$24,661.60 sen. Bagi dua lot saham yang berharga \$3,200 masih lagi di atas nama Ahli Lembaga Pengarah. Juga Yayasan telah meminjam \$200,000 pada 21 Julai, 1987 daripada sebuah bank tempatan untuk membiayai usaha-usaha pembelian saham tawaran umum. Walaupun pinjaman ini telah dibayar balik pada 15 Ogos 1987, setahu saya pinjaman ini dibuat tanpa kelulusan pihak-pihak yang tertentu seperti yang dikehendaki oleh undang-undang.”

Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya Menteri yang berkenaan kenapa MADA membeli saham ini di bawah nama persendirian iaitu nama Lembaga Pengarah dan bukan di bawah nama MADA. Dan juga bagaimana Yayasan boleh meminjam \$200,000 daripada sebuah bank tanpa kelulusan daripada Menteri yang berkenaan oleh kerana di bawah undang-undang, MADA mesti dapat kelulusan daripada Menteri.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Wee Choo Keong: Kenapa duduk?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sila gulung.

Tuan Wee Choo Keong: Gulung. Saya ingat duduk. (*Ketawa*) Oleh kerana ada gangguan tadi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tidak ada gangguan. Sila teruskan.

Tuan Wee Choo Keong: Saya hendak tanya Menteri yang berkenaan, kenapa laporan yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara ini tidak diambil berat dan hingga hari ini kita tidak diberitahu sama ada di Dewan ini atau di luar Dewan bahawa Kementerian Pertanian akan ambil tindakan atau sudah ambil tindakan. Kalau didiamkan begini, apa yang ditulis oleh Ketua Audit Negara nampaknya dipermain-mainkan sahaja sedangkan wang rakyat sudah habis berjuta-juta. Kalau MADA sebagai satu agensi Kerajaan Barisan Nasional boleh ambil tindakan tanpa kelulusan dan juga melanggar undang-undang negara kita, mengapa tidak diambil apa-apa tindakan. Ini bermakna bahawa mereka yang menyokong Barisan Nasional boleh melanggar semua undang-undang negara kita. Kalau sebegini buat apa kita meluluskan undang-undang di sini. Ini menjadi double standard. Saya rasa kalau pihak Pembangkang buat kesalahan sebegini, atau ada satu catatan clarification, dengan izin, dalam Laporan Ketua Audit Negara, saya rasa Kementerian Pertanian mesti mengambil tindakan lagi cepat - express. Jadi, saya harap Menteri yang berkenaan tolong ambil tindakan, ambil berat kerana Ketua Audit Negara kita yang membuat kenyataan ini, bukannya buat main-main sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Klang.

6.29 ptg.

Tuan Fong Kui Lun (Klang): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan bagi Kementerian Pertanian di bawah Maksud B.19 Program 010200 Perancangan dan Pembangunan, mukasurat 81.

Saya ingin menyentuh Dasar Pertanian Negara yang diumumkan oleh Kerajaan tidak lama dahulu untuk disemak semula berdasarkan perkembangan semasa. Dalam banyak-banyak dasar negara Kerajaan Barisan Nasional, Dasar Pertanian terpaksa disemak dan dipinda atas alasan ianya tidak sesuai lagi dengan keperluan semasa. Tidakkah ini membayangkan bahawa sewaktu dasar digubal, Kerajaan tidak berfikir panjang. Kerajaan terlalu ghairah dengan wawasan perindustrian sehingga mengabaikan wawasan pertanian yang menjadi tulang belakang luar bandar.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 020200 Latihan dan Pembangunan Petani. Saya ingin membangkitkan bahawa Dasar Pertanian Negara yang baru harus mampu melahirkan golongan

petani dan peladang-peladang moden yang produktif. Latihan intensif bagi melahirkan petani dan peladang moden ini perlulah diutamakan dan diperhebatkan lagi mulai tahun depan. Mereka hendaklah dihantar ke luar negara untuk menjalani latihan intensif seperti Jepun, Korea dan negara-negara maju.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 150000 Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN).

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah suntuk. Yang Berhormat boleh sambung esok.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga hari esok jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.